



LAPORAN TAHUNAN 2025



MESYUARAT AGUNG
TAHUNAN KALI KE-14



كوڤراسي مجلس بندا رايأ جوهر بهرو برحد

KOPERASI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU BERHAD

(No. Daftar : J-4-0658)

L1-04, Aras Bawah Bangunan JOTIC, Jalan Ayer Molek
80888 Ibrahim International Business District

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-14

29 JULAI 2026 (RABU)

14 SAFAR 1448H

10.30 PAGI

DEWAN KENANGA, ARAS DUA
MENARA MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU
NO. 1, JALAN LINGKARAN DALAM
BUKIT SENYUM
80300 JOHOR BAHRU, JOHOR

KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	Kandungan	1
2	Prinsip-prinsip Koperasi	3
3	Etika Mesyuarat Agung	4
4	Maklumat Korporat	13
5	Atur Cara Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-14	17
6	Agenda Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-14	19
7	Notis Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-14 Koperasi Majlis Bandaraya Johor Bahru Berhad	21
8	Minit Mesyurat Agung Tahunan Kali Ke-13 Koperasi Majlis Bandaraya Johor Bahru Berhad	25
9	Jawatankuasa Penentusah Draf Minit Mesyurat Agung Tahunan Kali Ke-13	38
10	Laporan Anggota Lembaga Koperasi Untuk Tahun 2025	39
11	Laporan Jawatankuasa Audit Dalamam Untuk Tahun 2025	46
12	Laporan Juruaudit Dan Penyata Kewangan Untuk Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025	51
13	Belanjawan Tahunan Untuk Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2027	71
14	Cadangan Elaun Anggota Lembaga Koperasi untuk Tahun 2027	75

“MUKA SURAT INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG”

PRINSIP-PRINSIP KOPERASI

DEFINISI

Koperasi adalah sebuah pertubuhan berautonomi di mana anggotanya bersatu secara sukarela demi mencapai kepentingan dan aspirasi bersama dalam bidang ekonomi, sosial dan budaya melalui satu badan yang dimiliki dan dikawal secara demokrasi.

NILAI-NILAI

Koperasi adalah berasaskan nilai-nilai berdikari, kesedaran tanggungjawab atas diri sendiri, demokrasi, persamaan kesaksamaan, keadilan, dan perpaduan. Selaras dengan tradisi pengasas gerakan itu, anggota Koperasi menerima nilai-nilai etika, termasuk amanah, ketulusan, tanggungjawab sosial serta sikap penyayang terhadap orang lain.

PRINSIP-PRINSIP

Prinsip Koperasi menjadi panduan untuk Koperasi mengamalkan nilai-nilainya.

- | | |
|------------------------|------------------------------------|
| PRINSIP PERTAMA | - Keanggotaan sukarela dan terbuka |
| PRINSIP KEDUA | - Kawalan demokratik oleh anggota |
| PRINSIP KETIGA | - Penyertaan ekonomi oleh anggota |
| PRINSIP KEEMPAT | - Autonomi dan kebebasan |
| PRINSIP KELIMA | - Pendidikan, latihan dan maklumat |
| PRINSIP KEENAM | - Kerjasama antara Koperasi |
| PRINSIP KETUJUH | - Prihatin terhadap masyarakat |

“MUKA SURAT INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG”

ETIKA MESYUARAT AGUNG

1. Perhimpunan

- (a) Anggota-anggota Koperasi hendaklah berhimpun di suatu tempat pada masa dan tarikh yang telah ditetapkan seperti mana dalam Notis Mesyuarat.

2. Bahasa Rasmi

- (a) Bahasa rasmi bagi mesyuarat hendaklah Bahasa Malaysia. Walau bagaimanapun, bahasa-bahasa lain dibenarkan mengikut kesesuaian.

3. Pengerusi Mesyuarat

- (a) Pengerusi mesyuarat hendaklah sebagaimana ditetapkan oleh Undang-undang Kecil Koperasi.

4. Agenda Mesyuarat

- (a) Agenda mesyuarat hendaklah sebagaimana dinyatakan dalam Notis Mesyuarat.

5. Kuorum

- (a) Kuorum hendaklah sebagaimana ditetapkan oleh Undang-undang Kecil dan Peraturan-peraturan Koperasi.

6. Minit Mesyuarat Agung Yang Lalu

- (a) Minit mesyuarat agung yang lalu akan diedarkan dan dibentang untuk pengesahan. Selain daripada pembetulan minit, perbincangan ke atasnya tidak dibenarkan. Hanya selepas pengesahan dibuat, anggota-anggota boleh bertanya sekadar mendapat penjelasan sahaja. Perbahasan terhadapnya tidak dibenarkan.

7. Setiausaha Mesyuarat

- (a) Setiausaha atau orang yang diarahkannya hendaklah mencatat perjalanan mesyuarat. Minit mesyuarat hendaklah disiapkan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh mesyuarat agung diadakan.

8. Hak-hak Anggota

- (a) Anggota-anggota yang layak hadir dalam mesyuarat mempunyai hak untuk bercakap, menyuarakan pendapat, pandangan, cadangan dan mengundi atas sesuatu perkara yang dibincangkan dalam agenda mesyuarat.

9. Laporan Tahunan

- (a) Laporan tahunan yang mengandungi Laporan Lembaga dan Penyata Kewangan Teraudit akan dibentangkan untuk dibincangkan setelah minit mesyuarat agung yang lalu disahkan. Penerimaannya hendaklah di bawah syor "Telah diterima dan diluluskan";
- (b) Laporan tahunan hendaklah diberi keutamaan daripada perkara lain. Sesuatu syor boleh dibuat terhadap mana-mana perkara dalam laporan tersebut dan ia hendaklah dibuat dengan persetujuan Pengerusi Mesyuarat.

10. Tertib Bercakap

- (a) Anggota yang ingin bercakap hendaklah bangun dan apabila diberi keizinan oleh Pengerusi Mesyuarat, beliau hendaklah berdiri dan mengajukan ucapannya kepada Pengerusi Mesyuarat;
- (b) Apabila lebih daripada seorang anggota bangun untuk bercakap, anggota yang terdahulu hendaklah diberi keutamaan untuk bercakap. Walau bagaimanapun, keputusan terletak kepada Pengerusi Mesyuarat;
- (c) Anggota tidak boleh bercakap lebih daripada sekali di atas sebarang usul atau pindaan yang sama kecuali (sebagai pembawa usul atau pindaan kepada usul itu) untuk menjawab. Sekiranya ada pindaan dibuat ke atas usul asal, anggota berkenaan boleh bercakap sekali lagi terhadap pindaan yang dibuat itu;
- (d) Seseorang anggota tidak boleh mengganggu anggota lain yang sedang bercakap kecuali:-

- (i) Jika hendak membuat teguran berkenaan perkara tertib mesyuarat. Ketika itu anggota yang sedang bercakap hendaklah menarik perhatian kepada perkara yang hendak disampaikan untuk pengetahuan mesyuarat dan diserahkan kepada Pengerusi Mesyuarat untuk memutuskannya; atau
 - (ii) Jika hendak menerangkan apa-apa perkara yang disampaikan oleh anggota yang bercakap itu dalam ucapannya dengan syarat anggota yang sedang bercakap itu mahu memberi laluan dan anggota yang hendak mencelah itu diberi izin oleh Pengerusi Mesyuarat.
- (e) Jika seseorang anggota mengganggu seorang anggota lain yang sedang bercakap semasa mesyuarat sedang berjalan atau menggunakan bahasa kasar atau biadap dan ingkar mematuhi arahan Pengerusi Mesyuarat apabila diminta menjaga tertib mesyuarat, namanya dicatat oleh Pengerusi Mesyuarat. Ia akan diminta meninggalkan bilik mesyuarat dan tidak akan dibenarkan masuk selagi ia tidak meminta maaf yang memuaskan dan diterima oleh Pengerusi Mesyuarat;
- (f) Jika Pengerusi Mesyuarat memberi arahan untuk bertenang, atau apa-apa arahan yang ada kaitan dengan mesyuarat, anggota yang sedang bercakap hendaklah kembali duduk dan anggota lain tidak dibenarkan bercakap sehingga Pengerusi Mesyuarat memberi kebenaran untuk meneruskan perbincangan.

11. Had Masa Bercakap

- (a) Pembawa usul atau pindaan tidak dibenarkan bercakap lebih daripada lima (5) minit. Anggota yang membicarakan usul selepas itu tidak dibenarkan melebihi tiga (3) minit, kecuali jika dibenarkan masa tambahan oleh Pengerusi Mesyuarat. Tambahan masa yang diberi hendaklah tidak melebihi dua (2) minit.

12. Isi-isi Ucapan

- (a) Anggota hendaklah menghadkan percakapan kepada perkara yang dibincangkan sahaja, dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa yang tidak ada kaitan dengan perkara yang dibincangkan itu;
- (b) Perkara-perkara yang dalam pertimbangan atau perbicaraan mahkamah tidak boleh dibincang;
- (c) Perkara-perkara yang telah diputuskan oleh mesyuarat tidak boleh dipertimbangkan semula kecuali dengan adanya usul tersendiri bagi membatalkan keputusan mesyuarat berkenaan dengan perkara itu.;
- (d) Seseorang anggota tidak boleh menggunakan bahasa kasar atau biadab dan tidak boleh mengeluarkan sangkaan buruk terhadap orang lain;
- (e) Nama, kelakuan dan sifat Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau nama DYMM Raja-raja Melayu atau TYT di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak tidak boleh digunakan bagi mempengaruhi mesyuarat;
- (f) Seseorang anggota yang bercakap tidak boleh menggunakan:-
 - (i) Perkataan-perkataan derhaka kepada negeri;
 - (ii) Perkataan-perkataan yang membangkitkan perasaan melawan terhadap kerajaan yang memerintah; dan
 - (iii) Perkataan-perkataan yang menaikkan perasaan sakit hati dan permusuhan antara kaum dan agama di Malaysia.
- (g) Jika pada pendapat Pengerusi Mesyuarat, bahawa apa-apa usul atau pindaan atau perbahasan yang akan dijalankan atas usul atau pindaan itu tujuannya melanggar peraturan ini, maka Pengerusi Mesyuarat boleh menolak usul atau pindaan berkenaan itu, atau memberhentikan perbahasan itu dan memerintahkan supaya usul atau pindaan berkenaan itu tidak dibahaskan lagi.

13. Menutup Ucapan / Perbahasan

- (a) Setelah sesuatu usul dikemukakan kepada mesyuarat, seorang anggota boleh mencadangkan usul itu diputuskan. Jika pada pendapat Pengerusi Mesyuarat, usul itu tidak bercanggah dengan mana-mana peraturan, maka usul itu boleh dikemukakan untuk diputuskan dengan serta merta. Ia hendaklah diputuskan dengan tidak boleh dipinda atau dibincang walaupun pembawa usul asal atau pindaan tidak berpeluang menjawab.

14. Usul

- (a) Sebarang usul pertama di dalam satu perkara itu akan dikenali sebagai usul asal dan semua usul mengenai perkara yang sama dikenali sebagai pindaan;
- (b) Tiap-tiap usul atau pindaan-pindaan kepadanya hendaklah ada pencadang dan penyokongnya dan hendaklah dibentangkan secara bertulis;
- (c) Tiap-tiap usul yang hendak dimasukkan ke dalam agenda hendaklah dihantar secara bertulis kepada Setiausaha Koperasi sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum mesyuarat agung diadakan;
- (d) Seseorang anggota yang ingin menarik balik atau mengubah atau meminda isi-isi sesuatu usul yang dibuat olehnya boleh berbuat demikian dengan memberitahu secara bertulis berkenaannya kepada Setiausaha sebelum tarikh mesyuarat agung. Walau bagaimanapun, disyaratkan pindaan itu pada pendapat Pengerusi Mesyuarat tidak mengubah asas atau tujuan yang terkandung dalam usul asal itu;
- (e) Apabila sesuatu usul itu ditarik balik selepas ianya dimasukkan dalam agenda mesyuarat agung, Pengerusi Mesyuarat, apabila tiba masanya, mengisytiharkan dalam mesyuarat agung bahawa usul tersebut telah ditarik balik dan tidak boleh dibahas lagi.

15. Cadangan dan Sokongan

- (a) Sesuatu usul atau pindaan tidak boleh dibincangkan atau dibahas sehingga ia mendapat sokongan. Jika tiada sokongan, usul atau pindaan itu gugur dengan sendirinya;
- (b) Seseorang anggota tidak boleh mencadang atau menyokong lebih daripada sekali bagi sesuatu usul. Pencadang atau penyokong sesuatu usul atau pindaan usul tidak boleh mengemukakan (mencadang) atau menyokong pindaan lain kepada usul tersebut.

16. Pindaan

- (a) Jika sebarang pindaan dikemukakan dan disokong terhadap sesuatu usul, pindaan selanjutnya tidak boleh dibuat sehingga pindaan terdahulu itu dibatalkan. Apabila pindaan kepada usul tersebut diisytiharkan, usul yang dipinda menjadi usul asal, yang mana pindaan-pindaan selanjutnya boleh dikemukakan tertakluk kepada para 18 Etika ini.

17. Hak Menjawab

- (a) Pembawa usul (termasuk pembawa pindaan yang menjadi usul asal) mempunyai hak untuk menjawab dengan syarat dia hendaklah menjawab kepada ucapan yang dibuat olehnya terdahulu. Perkara-perkara baru tidak boleh dibangkitkan. Setelah menjawab, usul hendaklah diundi dengan segera untuk mendapatkan suara majoriti anggota-anggota yang hadir;
- (b) Jika usul asal telah diganti dengan pindaan, hak menjawab diberikan kepada orang yang membawa pindaan.

18. Usul Tergempar

- (a) Sebarang usul yang tidak dimasukkan ke dalam agenda mesyuarat agung tidak boleh dikemukakan dalam mesyuarat untuk dibahas.

19. Pengundian

- (a) Semua perkara hendaklah diputuskan dengan kelebihan undi kecuali perkara-perkara berkaitan dengan Pindaan Undang-undang Kecil. Jika undi sama banyak, perkara yang dibincangkan disifatkan kalah. Pengerusi Mesyuarat tiada undi pemutus;
- (b) Pengerusi Mesyuarat tidak boleh mengundi berkenaan sebarang perkara mengenai dirinya;
- (c) Cara mengundi hendaklah sebagaimana ditetapkan oleh Undang-undang Kecil.

20. Adab Anggota Tidak bercakap

- (a) Masa mesyuarat sedang berjalan:-
 - i. Anggota hendaklah masuk ke dewan atau keluar daripada dewan atau membawa diri dalam dewan dengan tertib adab;
 - ii. Seseorang anggota tidak boleh melintas ruangan tengah dewan tanpa apa-apa urusan;
 - iii. Anggota-anggota tidak boleh membaca surat-surat khabar, buku-buku, surat-surat atau lain-lain kecuali dengan perkara-perkara yang ada kaitan dengan perkara yang dibahas;
 - iv. Masa seseorang anggota bercakap, anggota lain hendaklah diam dan tidak mengganggu.

21. Kuasa Pengerusi Mesyuarat dan Tertib Dalam Mesyuarat

- (a) Bila anggota-anggota ditegur oleh Pengerusi Mesyuarat berkenaan dengan peraturan mesyuarat atau bangun semasa perbahasan berjalan, mana-mana anggota yang sedang bercakap atau yang hendak bercakap, hendaklah duduk dan mesyuarat hendaklah diam supaya percakapan Pengerusi Mesyuarat dapat didengar dan tidak terganggu;

- (b) Adalah menjadi tanggungjawab Pengerusi Mesyuarat memastikan supaya Etika Mesyuarat ini dipatuhi dan keputusannya mengenai apa-apa perkara peraturan mesyuarat tidak boleh diminta ditimbangkan semula;
- (c) Pengerusi Mesyuarat setelah menarik perhatian mesyuarat kepada kelakuan seseorang anggota yang degil dengan menyebutkan perkara-perkara yang tidak kena mengena dengan perkara mesyuarat boleh memerintahkan dia berhenti bercakap;
- (d) Pengerusi Mesyuarat hendaklah memerintahkan mana-mana anggota yang berkelakuan tidak baik keluar dengan serta merta daripada mesyuarat;
- (e) Anggota yang diperintah keluar menurut pereng 21 (d), dengan serta merta hendaklah keluar dari dewan mesyuarat dan tidak dibenarkan masuk hingga habis mesyuarat;
- (f) Jika sesuatu perkara berbangkit mengenai prosedur, maka proses pengundian untuk membuat keputusan adalah tidak diperlukan. Adalah memadai dengan keputusan Pengerusi Mesyuarat sahaja. Sekiranya perkara yang dibincangkan melibatkan perkara hakiki (substantive) maka keputusan hendaklah dibuat secara pengundian;
- (g) Jika mesyuarat agung membincangkan sesuatu perkara yang melibatkan kepentingan Pengerusi Mesyuarat, maka mesyuarat hendaklah dipengerusikan oleh seorang yang lain sehingga keputusan telah dibuat. Dalam hal ini prinsip "Natural Justice" hendaklah terpakai;
- (h) Pengerusi Mesyuarat hendaklah menasihatkan anggota yang hadir dalam mesyuarat supaya sentiasa berada di dalam dewan mesyuarat sepanjang mesyuarat diadakan bagi memastikan kuorum mesyuarat adalah mencukupi pada setiap masa;

- (i) Jika berlaku kekacauan besar dan luar jangka dalam mesyuarat, Pengerusi Mesyuarat boleh, jika pandangannya wajar, menangguhkan mesyuarat tanpa perlu meminta keputusan mesyuarat selama yang ditetapkan olehnya.

22. Kuasa Pindaan

- (a) Anggota atau Lembaga dari semasa ke semasa boleh mengemukakan cadangan kepada mesyuarat agung bagi meminda mana-mana peruntukan Etika Mesyuarat Agung ini.

“MUKA SURAT INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG”

MAKLUMAT KORPORAT

NAMA KOPERASI

KOPERASI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU BERHAD

ALAMAT KOPERASI

L1-04, Aras Bawah Bangunan JOTIC, Jalan Ayer Molek, 80888 Ibrahim International Business District, Johor

MATLAMAT

Meningkatkan Kepentingan Ekonomi Anggotanya Mengikut Prinsip Koperasi

VISI KOPERASI

Koperasi Mampu Menjana Ekonomi Anggota Dan Mengukuhkan Organisasi

MISI KOPERASI

Koperasi Berusaha Ke Arah Tadbir Urus Yang Cekap Serta Efisyen Untuk Memasuki Peluang-Peluang Perniagaan Atau Pelaburan Yang Lebih Luas Bagi Meningkatkan Ekonomi Dan Kebajikan Anggotanya

BANK KOPERASI

1. AmBank Islamic Berhad
2. Bank Islam Malaysia Berhad

ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

Pengerusi : TUAN HAJI MOHD FADZIL SUHAIMI BIN TALIBIN
(No. Anggota : 03)

Setiausaha : ENCIK SULEIMAN BIN ASHARI
(No. Anggota : 15)

Bendahari : PUAN NAFIZAH BINTI PANGAH @ PA'AT
(No. Anggota : 50)

Anggota Lembaga Koperasi :

1. TUAN HAJI MOHD SALLEH BIN SULAIMAN
(No. Anggota : 290)
2. ENCIK MOKHZANI BIN MISLAN
(No. Anggota : 11)
3. ENCIK Ts. AHMAD FAUZI BIN AHMAD PUAD
(No. Anggota : 174)
4. PUAN MASLIZA BINTI SAMURI
(No. Anggota : 307)
5. CIK NORFAIZAH BINTI ABU
(No. Anggota : 243)
6. ENCIK MOHAMAD HAZRI BIN MOHAMAD RAZALI
(No. Anggota : 305)
7. ENCIK HAIRUL AZWAN BIN AHMAD ZAINI
(No. Anggota : 45)

KAKITANGAN KOPERASI

Penolong Pengurus : CIK SITI SUZYARA BINTI MD SAID

Pembantu Eksekutif : ENCIK MOHD NUR LOKMAN BIN MOHD JABIR

JURUAUDIT

Juruaudit Luar : TETUAN ISYAM NURHADIRIN & ASSOCIATES

Jawatankuasa Audit Dalaman :

1. ENCIK SYAMSULARIFIN BIN MUSTAPA
(No. Anggota : 140)
2. PUAN SUAANAH BINTI SUPAMAN
(No. Anggota : 167)

“MUKA SURAT INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG”

ATUR CARA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-14

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-14
KOPERASI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU BERHAD
PADA 29 JULAI 2026 (RABU)
DI DEWAN KENANGA, ARAS DUA
MENARA MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU
JALAN LINGKARAN DALAM, BUKIT SENYUM
80300 JOHOR BAHRU, JOHOR

MASA

ATUR CARA

- 10.00 - 10.30 pagi : Pendaftaran Anggota Koperasi Majlis Bandaraya Johor Bahru Berhad
(tiada proses Pendaftaran selepas 11.00 pagi)
- 10.25 pagi : Ketibaan Tetamu VVIP
- 10.30 pagi : Majlis Perasmian
- Nyanyian lagu Bangsa Johor dan Negaraku
 - Bacaan Doa
 - Ucapan Aluan - Pengerusi KMBJBB
 - Ucapan Perasmian
 - Penyampaian cenderahati
 - Tetamu VVIP bersurai
- 11.10 pagi : Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke - 14 dimulakan
(Sila rujuk Agenda Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Kali Ke-14)
- 1.00 tengah hari : Bersurai

“MUKA SURAT INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG”

AGENDA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-14

- PENDAHULUAN** : a) Pemilihan dan Ucapan Pengerusi Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-14
- b) Pelantikan Pencatat Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-14
- AGENDA 1** : Melantik jawatankuasa yang terdiri daripada enam (6) orang Anggota Koperasi dan empat (4) orang Anggota Lembaga Koperasi termasuk Pengerusi MAT bagi menentusahkan draf Minit MAT Kali Ke-14 Koperasi Majlis Bandaraya Johor Bahru Berhad
- AGENDA 2** : Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-13 pada 03 September 2025
- AGENDA 3** : Membentangkan Laporan Anggota Lembaga Koperasi dan Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman untuk tahun 2025
- AGENDA 4** : Menimbang dan meluluskan akaun teraudit Koperasi termasuk Laporan Anggota Lembaga Koperasi dan Laporan Juruaudit dan pengagihan untung bersih teraudit untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025
- AGENDA 5** : Memilih dan melantik lima (5) orang Anggota Lembaga Koperasi bagi menggantikan Anggota Lembaga Koperasi yang gugur mengikut giliran menurut Undang-Undang Kecil (UUK) 34
- AGENDA 6** : Menimbang dan meluluskan belanjawan tahunan Koperasi untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2027
- AGENDA 7** : Meluluskan elaun-elaun yang akan diberikan kepada Anggota Lembaga Koperasi
- AGENDA 8** : Meluluskan pelantikan satu (1) panel yang tidak kurang daripada dua (2) orang juruaudit, yang merupakan juruaudit yang diluluskan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia untuk mengaudit akaun Koperasi

- AGENDA 9** : Menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan daripada wang lebihan Koperasi
- AGENDA 10** : Menentukan had maksimum keterhutangan Koperasi
- AGENDA 11** : Mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa cadangan (usul) atau hal urusan lain Koperasi yang baginya suatu notis tidak kurang daripada tujuh (7) hari sebelum MAT Kali Ke-14 dipanggil telah diberikan secara bertulis kepada Koperasi, jika ada
- AGENDA 12** : Menimbang dan meluluskan apa-apa cadangan pindaan kepada Undang-Undang Kecil Koperasi dan Aturan Aktiviti Koperasi, jika ada
- AGENDA 13** : Mendengar dan memutuskan apa-apa aduan, yang dibawa oleh mana-mana anggota Koperasi yang terkilan dengan keputusan Anggota Lembaga Koperasi, yang baginya suatu notis tidak kurang daripada tujuh (7) hari sebelum MAT Kali Ke-14 dipanggil telah diberikan kepada Koperasi, jika ada
- AGENDA 14** : Menimbang dan meluluskan mana-mana laporan yang dikehendaki supaya dikemukakan mengikut peraturan-peraturan, jika ada

Penangguhan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-14

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-14



KOPERASI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU BERHAD

(No. Daftar: J - 4 - 0658)

L1-04, Aras Bawah Bangunan JOTIC

Jalan Ayer Molek

80888 Ibrahim International Business District, Johor

Tel.: 017 - 788 2251 / 017 - 872 6306

E-mel: koperasimbjb@yahoo.com

Ruj. Kami : KOP/MBJB/9/2026 ()

Tarikh : 14 Julai 2026
28 Muharam 1448

ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI DAN ANGGOTA-ANGGOTA KOPERASI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU BERHAD

YBhg. Datuk / Dr. / Tuan / Puan,

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-14 KOPERASI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU BERHAD

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Untuk makluman semua anggota, Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) Kali Ke-14 Koperasi Majlis Bandaraya Johor Bahru Berhad (KMBJBB) akan diadakan sebagaimana ketetapan berikut:-

Tarikh : 29 Julai 2026 (Rabu) bersamaan 14 Safar 1448H

Masa : 10.30 pagi (10.00 pagi - Pendaftaran)

Tempat : Dewan Kenanga, Aras Dua

Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru

No.1, Jalan Lingkaran Dalam

Bukit Senyum


80300 Johor Bahru, Johor

3. Sehubungan dengan itu, anggota-anggota Koperasi dijemput hadir bagi melaksanakan tanggungjawab dan mematuhi kehendak Seksyen 39 Akta Koperasi 1993. Bersama-sama ini dilampirkan Agenda MAT Kali Ke-14 untuk rujukan tuan / puan.

4. Kehadiran Y. Bhg. Datuk/Tuan/Puan ke MAT Kali Ke-14 KMBJBB dengan membawa dan menyuarakan idea-idea atau pandangan-pandangan positif untuk memajukan Koperasi dalam MAT ini nanti, amat kami hargai dan didahului dengan jutaan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan tugas,



(SULEIMAN BIN ASHARI)

No. Anggota : 15

Setiausaha

Koperasi Majlis Bandaraya

Johor Bahru Berhad

- | | | | |
|---------|--|---|-----------------|
| s.k. i) | Penolong Pengarah SKM Wilayah Johor Bahru | : | <i>Makluman</i> |
| ii) | Datuk Bandar Majlis Bandaraya Johor Bahru | : | <i>Makluman</i> |
| iii) | Setiausaha Majlis Bandaraya Johor Bahru | : | <i>Makluman</i> |
| iv) | Timbalan Setiausaha Majlis Bandaraya Johor Bahru | : | <i>Makluman</i> |
| v) | Semua Ketua Jabatan Majlis Bandaraya Johor Bahru | : | <i>Makluman</i> |

SA/ssmd

LAMPIRAN 1

AGENDA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-14
KOPERASI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU BERHAD

- 1) Melantik jawatankuasa yang terdiri daripada enam (6) orang Anggota Koperasi dan empat (4) orang Anggota Lembaga Koperasi, termasuk Pengerusi Mesyuarat Agung Tahun untuk menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-14;
- 2) Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-13 pada 03 September 2025;
- 3) Membentangkan Laporan-Laporan Anggota Lembaga Koperasi dan Laporan Jawatankuasa Audit Dalamam untuk tahun 2025;
- 4) Menimbang dan meluluskan akaun teraudit Koperasi termasuk laporan Anggota Lembaga Koperasi dan laporan juruaudit, dan pengagihan untung bersih teraudit untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025;
- 5) Memilih dan melantik lima (5) orang Anggota Lembaga Koperasi bagi menggantikan Anggota Lembaga Koperasi yang gugur mengikut giliran adalah sebagaimana berikut:-

BIL	NAMA ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI	JAWATAN
1	Encik Suleiman bin Ashari (No. Anggota 15)	Setiausaha
2	Encik Mokhzani bin Mislant (No. Anggota 11)	Anggota Lembaga Koperasi
3	Puan Masliza binti Samuri (No. Anggota 307)	Anggota Lembaga Koperasi
4	Encik Mohamad Hazri bin Mohamad Razali (No. Anggota 305)	Anggota Lembaga Koperasi

BIL	NAMA ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI	JAWATAN
5	Encik Hairul Azwan bin Ahmad Zaini (No. Anggota 45)	Anggota Lembaga Koperasi

- 6) Menimbang dan meluluskan belanjawan tahunan Koperasi untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2027;
- 7) Meluluskan elaun-elaun yang akan diberikan kepada Anggota Lembaga Koperasi;
- 8) Meluluskan pelantikan satu (1) panel yang tidak kurang daripada dua (2) orang juruaudit, yang merupakan juruaudit yang diluluskan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) untuk mengaudit akaun Koperasi;
- 9) Menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan wang lebihan Koperasi;
- 10) Menentukan had maksimum keterhutangan Koperasi;
- 11) Mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa cadangan atau hal urusan lain Koperasi yang baginya suatu notis tidak kurang daripada tujuh (7) hari sebelum MAT Kali Ke-14 dipanggil telah diberikan secara bertulis kepada Koperasi, jika ada;
- 12) Menimbang dan meluluskan apa-apa cadangan pindaan kepada Undang-Undang Kecil Koperasi dan Aturan Koperasi, jika ada;
- 13) Mendengar dan memutuskan apa-apa aduan, yang dibawa oleh mana-mana Anggota Koperasi yang terkilan dengan keputusan Anggota Lembaga Koperasi, yang baginya suatu notis tidak kurang daripada tujuh (7) hari sebelum MAT Kali Ke-14 dipanggil telah diberikan kepada Koperasi, jika ada; dan
- 14) Menimbang dan meluluskan mana-mana laporan yang dikehendaki supaya dikemukakan mengikut peraturan-peraturan, jika ada.

MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-13 KOPERASI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU BERHAD

- Tarikh : 03 September 2025 (Rabu)
- Masa : 9:30 pagi hingga 12.18 tengah hari
- Tempat : Dewan Kenanga, Aras Dua
Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru
No.1, Jalan Lingkaran Dalam
Bukit Senyum, 80300 Johor Bahru
- Kehadiran : 201 orang
- Turut Hadir :
1. Encik Muhammad Shahrul Haqim bin Salehuddin
Pembantu Ehwat Ekonomi
Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)
Wilayah Johor Bahru
 2. Encik Khairul Adha bin Abu Bakar
Pembantu Ehwat Ekonomi Kanan
Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)
Wilayah Johor Bahru

PENDAHULUAN

a) Pemilihan Pengerusi Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-13

Puan Nafizah binti Pangah @ Paat (No. Anggota 050) mencadangkan Tuan Haji Mohd Fadzil Suhaimi bin Talibin (No. Anggota 003) sebagai Pengerusi Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-13, Koperasi Majlis Bandaraya Johor Bahru Berhad. Cadangan tersebut disokong oleh Tuan Haji Mohd Salleh bin Sulaiman (No. Anggota 290) dan disokong sebulat suara oleh anggota Koperasi yang hadir.

b) Kehadiran

Pengerusi Mesyuarat, Tuan Haji Mohd Fadzil Suhaimi bin Talibin (No. Anggota 003) memaklumkan jumlah kehadiran anggota pada pagi ini adalah seramai 201 orang anggota. Oleh yang demikian, bilangan ini memenuhi syarat kuota.

c) Pencatat Minit Mesyuarat

Pengerusi Mesyuarat memaklumkan Puan Maria binti Mahadi (No. Anggota 208) telah dilantik oleh Anggota Lembaga Koperasi sebagai pencatat minit mesyuarat. Walau bagaimanapun, beliau tidak dapat hadir kerana cuti sakit.

Bendahari Koperasi Majlis Bandaraya Johor Bahru Berhad, Puan Nafizah binti Pangah @ Pa'at (No. Anggota 050) mencadangkan Puan Hawa Fauziah binti Mohd Pamin (No. Anggota 162) sebagai pencatat minit mesyuarat dan disokong oleh Tuan Haji Mohd Salleh bin Sulaiman (No. Anggota 290). Mesyuarat bersetuju sebulat suara dengan cadangan tersebut.

d) Jurukira Undi

Pengerusi Mesyuarat memaklumkan jurukira undi yang dilantik oleh Anggota Lembaga Koperasi ialah:

- i) Encik Mokhzani bin Haji Mislan (No. Anggota 011)
- ii) Encik Hairul Azwan bin Ahmad Zaini (No. Anggota 045)

AGENDA 1

MELANTIK JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARIPADA ENAM (6) ORANG ANGGOTA KOPERASI DAN EMPAT (4) ORANG ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI TERMASUK Pengerusi Mesyuarat Bagi Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-13 Koperasi Majlis Bandaraya Johor Bahru Berhad

- 1.1) Mesyuarat telah melantik enam (6) orang anggota sebagai Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-13. Senarai nama adalah seperti berikut:

BIL.	NAMA CALON DAN NO. ANGGOTA	NAMA PENCADANG DAN NO. ANGGOTA	NAMA PENYOKONG DAN NO. ANGGOTA
1.	Tuan Haji Kaharudin bin Salleh (No. Anggota 147)	Tuan Haji Mohd Salleh bin Sulaiman (No. Anggota 290)	Puan Nafizah binti Pangah @ Pa'at (No. Anggota 050)
2.	Encik Khairul Afandi bin Mustaffa (No. Anggota 175)	Puan Nafizah binti Pangah @ Pa'at (No. Anggota 050)	Cik Norfaizah binti Abu (No. Anggota 243)
3.	Puan Rasidah binti Abd. Kadir (No. Anggota 016)	Cik Norfaizah binti Abu (No. Anggota 243)	Tuan Haji Mohd Salleh bin Sulaiman (No. Anggota 290)
4.	Puan Norashidah binti Ahmad (No. Anggota 074)	Encik Mokhzani bin Mislan (No. Anggota 011)	Puan Nafizah binti Pangah @ Pa'at (No. Anggota 050)
5.	Puan Siti Harizan binti Mohamed Yunus (No. Anggota 046)	Puan Nafizah binti Pangah @ Pa'at (No. Anggota 050)	Puan Siti Maryam binti Mohd Jabir (No. Anggota 165)
6.	Puan Dahlia binti Masti (No. Anggota 194)	Cik Norfaizah binti Abu (No. Anggota 243)	Puan Nafizah binti Pangah @ Pa'at (No. Anggota 050)

- 1.2) Pelantikan enam (6) orang anggota sebagai Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-13 diterima, setelah:

Dicadang oleh : Puan Masliza binti Samuri (No. Anggota 307)

Disokong oleh : Puan Nafizah binti Pangah @ Pa'at (No. Anggota 050)

- 1.3) Manakala pelantikan seramai empat (4) orang Anggota Lembaga Koperasi, mesyuarat telah bersetuju memberi mandat kepada Anggota Lembaga Koperasi untuk melantik empat (4) orang Anggota Lembaga Koperasi termasuk Pengerusi Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-13 sebagai Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-13 dalam Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi yang pertama, setelah:

Dicadang oleh : Puan Masliza binti Samuri (No. Anggota 307)

Disokong oleh : Puan Nafizah binti Pangah @ Pa'at (No. Anggota 050)

AGENDA 2

MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-12 KOPERASI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU BERHAD PADA 25 JULAI 2024

- 2.1) Setiausaha Koperasi Majlis Bandaraya Johor Bahru Berhad telah membentangkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-12 dari muka surat 25 hingga 37 dalam buku Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-13.
- 2.2) Minit mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-12 Koperasi Majlis Bandaraya Johor Bahru Berhad disahkan tanpa pindaan, setelah:

Dicadang oleh : Tuan Haji Mohd Salleh bin Sulaiman (No. Anggota 290)

Disokong oleh : Tuan Haji Kaharudin bin Salleh (No. Anggota 147)

AGENDA 3

MEMBENTANGKAN LAPORAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI DAN LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN UNTUK TAHUN 2024

3.1) Setiausaha Koperasi Majlis Bandaraya Johor Bahru Berhad telah membentangkan Laporan Anggota Lembaga Koperasi dan Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman untuk tahun 2024 sebagaimana muka surat 39 hingga 45 dalam buku Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-13.

3.2) Mesyuarat bersetuju menerima laporan di atas tanpa pindaan, setelah:

Dicadang oleh : Cik Norfaizah binti Abu (No. Anggota 243)

Disokong oleh : Tuan Haji Mohd Salleh bin Sulaiman (No. Anggota 290)

AGENDA 4

MENIMBANG DAN MELULUSKAN AKAUN TERAUDIT KOPERASI TERMASUK LAPORAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI DAN LAPORAN JURUAUDIT SERTA PENGAGIHAN UNTUNG BERSIH TERAUDIT UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

4.1) Bendahari Koperasi Majlis Bandaraya Johor Bahru Berhad telah menimbang Akaun Teraudit Koperasi termasuk Laporan Anggota Lembaga Koperasi dan Laporan Juruaudit serta Pengagihan Untung Bersih Teraudit untuk Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2024 sebagaimana muka surat 51 hingga muka surat 70 dalam buku Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-13.

4.2) Akaun Teraudit Koperasi termasuk Laporan Anggota Lembaga Koperasi dan Laporan Juruaudit serta Pengagihan Untung Bersih Teraudit untuk Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2024 diterima, setelah:

Dicadang oleh : Tuan Haji Kaharudin bin Salleh (No. Anggota 147)

Disokong oleh : Puan Siti Mariam binti Mohd Jabir (No. Anggota 165)

AGENDA 5**MEMILIH DAN MELANTIK LIMA (5) ORANG ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI BAGI MENGGANTIKAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI YANG GUGUR MENGIKUT GILIRAN**

- 5.1) Pengerusi Mesyuarat mengumumkan lima (5) orang Anggota Lembaga Koperasi yang gugur mengikut giliran dan Undang-Undang Kecil (UUK) 34 (pindaan 2016) adalah sebagaimana berikut:

BIL.	NAMA ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI	JAWATAN
1	Tuan Haji Mohd Fadzil Suhaimi bin Talibin (No. Anggota 003)	Pengerusi
2	Puan Nafizah binti Pangah @ Pa'at (No. Anggota 050)	Bendahari
3	Tuan Haji Mohd Salleh bin Sulaiman (No. Anggota 290)	Anggota Lembaga Koperasi
4	Cik Norfaizah binti Abu (No. Anggota 243)	Anggota Lembaga Koperasi
5	Encik Ts. Ahmad Fauzi bin Ahmad Puad (No. Anggota 174)	Anggota Lembaga Koperasi

- 5.2) Puan Rasidah binti Abd. Kadir (No. Anggota 016) mencadangkan supaya lima (5) orang Anggota Lembaga Koperasi sedia ada dikekalkan dan Puan Hairunnita binti Maslan @ Amran (No. Anggota 271) memberi sokongan untuk dikekalkan manakala Puan Siti Harizan binti Mohamed Yunus (No. Anggota 046) menyokong untuk menutup cadangan tersebut.

5.3) Pencalonan ditutup, setelah:-

Dicadang oleh : Puan Rasidah binti Abd. Kadir (No. Anggota 016)

Disokong oleh : Puan Hairunnita binti Maslan @ Amran (No. Anggota 271)

Disokong ditutup oleh : Puan Siti Harizan binti Mohamed Yunus (No. Anggota 046)

AGENDA 6

MENIMBANG DAN MELULUSKAN BELANJAWAN TAHUNAN KOPERASI UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2026

6.1) Bendahari Koperasi Majlis Bandaraya Johor Bahru Berhad telah membentangkan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2026 sebagaimana muka surat 71 hingga muka surat 74 dalam buku Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-13.

6.2) Bendahari Koperasi Majlis Bandaraya Johor Bahru Berhad juga memaklumkan bahawa mulai 1hb Ogos 2025, semua majikan tanpa pengecualian perlu mematuhi perintah gaji minimum RM1,700 sebulan.

6.3) Oleh itu, gaji untuk dua (2) orang pekerja Koperasi Majlis Bandaraya Johor Bahru Berhad dinaikkan daripada RM1,300 kepada RM1,700 mengikut kadar yang ditetapkan.

6.4) Mesyuarat meluluskan Belanjawan Tahunan Koperasi untuk Tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2026, setelah:

Dicadang oleh: Tuan Haji Kaharudin bin Salleh (No. Anggota 147)

Disokong oleh : Tuan Haji Mustafa bin Mohd (No. Anggota 293)

AGENDA 7**MELULUSKAN ELAUN-ELAUN YANG AKAN DIBERIKAN KEPADA ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI**

7.1) Bendahari Koperasi Majlis Bandaraya Johor Bahru Berhad telah mencadangkan elaun-elaun yang akan diberikan kepada Anggota Lembaga Koperasi sebagaimana muka surat 75 dan muka surat 76 dalam buku Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-13.

7.2) Mesyuarat meluluskan elaun-elaun yang akan diberikan kepada Anggota Lembaga Koperasi seperti di bawah:

i) Elaun Anggota Lembaga Koperasi

JAWATAN	ELAUN	TELEFON	JUMLAH
Pengerusi	RM150 x 12 bulan = RM1,800	-	RM1,800
Setiausaha	RM600 x 12 bulan = RM7,200	RM100 x 12 bulan = RM1,200	RM8,400
Bendahari	RM150 x 12 bulan = RM1,800	-	RM1,800
Anggota Lembaga Koperasi	-	-	-
JUMLAH			RM12,000

ii) Elaun Kehadiran Mesyuarat

JAWATAN	KIRAAN	JUMLAH
Anggota Lembaga Koperasi: a) Pengerusi b) Setiausaha & Bendahari c) Anggota Lembaga Koperasi	RM100 x 12 kali RM80 x 2 x 12 kali RM50 x 7 x 12 kali	RM7,320
Jawatankuasa	RM30 x 5 orang x 12 kali x 4 jawatankuasa	RM7,200
JUMLAH		RM14,520

iii) Elaun Kehadiran kursus/seminar/latihan

JAWATAN	KIRAAN	JUMLAH
Anggota Lembaga Koperasi	Kadar Sehari	RM50
Jawatankuasa Audit Dalaman	Kadar Sehari	RM30
Ahli Jawatankuasa	Kadar Sehari	RM30

7.3) Mesyuarat meluluskan elaun-elaun yang akan diberikan kepada Anggota Lembaga Koperasi seperti di atas, setelah:

Dicadang oleh: Encik Mohd Emy Amrie bin Amran (No. Anggota 169)

Disokong oleh : Tuan Haji Mustafa bin Mohd (No. Anggota 293)

AGENDA 8

MELULUSKAN PELANTIKAN SATU (1) PANEL YANG TIDAK KURANG DARIPADA DUA (2) ORANG JURUAUDIT YANG MERUPAKAN JURUAUDIT YANG DILULUSKAN OLEH SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA UNTUK MENGAUDIT AKAUN KOPERASI

- 8.1) Mesyuarat sebulat suara bersetuju memberi mandat kepada Anggota Lembaga Koperasi untuk melantik tidak kurang daripada dua (2) orang Juruaudit yang merupakan Juruaudit yang diluluskan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia untuk mengaudit akaun Koperasi, setelah:

Dicadang oleh : Tuan Haji Mohd Salleh bin Sulaiman (No. Anggota 290)

Disokong oleh : Tuan Haji Kaharudin bin Salleh (No. Anggota 147)

AGENDA 9

MENIMBANG DAN MELULUSKAN SKOP DAN HAD PELABURAN DARIPADA WANG LEBIHAN KOPERASI

- 9.1) Pengerusi Mesyuarat memohon mesyuarat menimbang dan meluluskan skop dan had pelaburan tersebut.
- 9.2) Mesyuarat sebulat suara meluluskan skop dan had pelaburan daripada wang lebihan Koperasi sebanyak RM500,000 **DIKEKALKAN**, setelah:

Dicadang oleh : Tuan Haji Mustafa bin Mohd (No. Anggota 293)

Disokong oleh : Puan Masliza binti Samuri (No. Anggota 307)

AGENDA 10

MENENTUKAN HAD MAKSIMUM KETERHUTANGAN KOPERASI

- 10.1) Pengerusi Mesyuarat memohon mesyuarat menimbang dan meluluskan penentuan had maksimum keterhutangan koperasi.

- 10.2) Mesyuarat sebulat suara meluluskan had maksimum keterhutangan Koperasi sebanyak RM10juta **DIKEKALKAN**, setelah:

Dicadang oleh : Tuan Haji Kaharuddin bin Salleh (No. Anggota 147)

Disokong oleh : Tuan Haji Mustafa bin Mohd (No. Anggota 293)

AGENDA 11

MENDENGAR, MENIMBANG ATAU MEMUTUSKAN APA-APA CADANGAN (USUL) ATAU HAL URUSAN LAIN KOPERASI YANG BAGINYA SUATU NOTIS TIDAK KURANG DARIPADA TUJUH (7) HARI SEBELUM MAT KALI KE-13 DIPANGGIL TELAH DIBERIKAN SECARA BERTULIS KEPADA KOPERASI, JIKA ADA

- 11.1) Terdapat satu (1) usul yang dibawa oleh Koperasi Malis Bandaraya Johor Bahru Berhad **untuk pindaan Undang-Undang Kecil Koperasi** secara keseluruhan kerana Undang-Undang Kecil Koperasi telah terlalu lama dan tambahan beberapa aktiviti baru yang belum ada dalam Undang-Undang Kecil Koperasi sebagaimana cadangan pindaan di muka surat 77 hingga muka surat 80 buku Mesyuarat Agung Tahun Kali Ke-13.
- 11.2) Usul ini telah dibentang dan dipersetujui dalam Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi Bil. 7 – 2024/2025 pada 11 Ogos 2025.
- 11.3) Pengerusi memaklumkan bahawa selepas daripada Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-13 ini, kadar bayaran syer anggota akan dinaikkan daripada RM100 kepada RM300 dan meminta wakil Suruhanjaya Koperasi Malaysia menerangkan tentang syer anggota ini.
- 11.4) Wakil Suruhanjaya Koperasi Malaysia menjelaskan bahawa syer minimum adalah sebanyak RM300 manakala syer maksimum adalah sebanyak 20% daripada jumlah keseluruhan syer dan terpakai kepada anggota baru yang ingin menyertai Koperasi Majlis Bandaraya Johor Bahru Berhad ini.

- 11.5) Pengerusi memohon agar semua anggota Koperasi menerima usul yang dicadangkan ini dan memberi mandat kepada Anggota Lembaga Koperasi bagi memperhalusi pelaksanaan pindaan Undang-Undang Kecil Koperasi tersebut bagi **bagi tujuan mempelbagai dan merangka aktiviti serta menambah dana Koperasi, dan disokong sebulat suara oleh Anggota yang hadir dalam Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-13, setelah:**

Dicadang oleh : Tuan Haji Mohd Salleh bin Sulaiman (No. Anggota 290)

Disokong oleh : Tuan Haji Mustafa bin Mohd (No. Anggota 293)

AGENDA 12

MENIMBANG DAN MELULUSKAN APA-APA CADANGAN PINDAAN KEPADA UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI DAN ATURAN AKTIVITI KOPERASI, JIKA ADA

- 12.1) Ada. Merujuk sebagaimana keputusan Agenda 11.

AGENDA 13

MENDENGAR DAN MEMUTUSKAN APA-APA ADUAN, YANG DIBAWA OLEH MANA-MANA ANGGOTA KOPERASI YANG TERKILAN DENGAN KEPUTUSAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI, YANG BAGINYA SUATU NOTIS TIDAK KURANG DARIPADA TUJUH (7) HARI SEBELUM MAT KALI KE-13 DIPANGGIL TELAH DIBERIKAN KEPADA KOPERASI, JIKA ADA

- 13.1) Tiada

AGENDA 14

MENIMBANG DAN MELULUSKAN MANA-MANA LAPORAN YANG DIKEHENDAKI SUPAYA DIKEMUKAKAN MENGIKUT PERATURAN-PERATURAN, JIKA ADA

- 14.1) Tiada

PENANGGUHAN MESYUARAT

- a) Tuan Haji Kaharudin bin Salleh (No. Anggota 147) mencadangkan agar dibuat pemakluman kepada anggota yang bersara agar mendapat makluman terkini aktiviti Koperasi Majlis Bandaraya Johor Bahru Berhad ini.
- b) Tuan Haji Mohd Salleh bin Sulaiman (No. Anggota 290) memaklumkan beliau telah dilantik sebagai Pengerusi Alumni Majlis Bandaraya Johor Bahru dan telah memaklumkan segala aktiviti Koperasi Majlis Bandaraya Johor Bahru Berhad melalui *group Whatsapp* sedia ada.
- c) Encik Mokhzani bin Mislan (No. Anggota 011) memaklumkan cadangan dan pandangan daripada Tuan Haji Kaharudin bin Salleh (No. Anggota 147) akan dipertimbangkan untuk mewujudkan *group* media sosial melalui talian telefon bagi memudahkan semua anggota Koperasi MBBB Berhad memperolehi maklumat terkini mengenai Koperasi Majlis Bandaraya Johor Bahru Berhad.
- d) Pengerusi Mesyuarat mengucapkan terima kasih diatas pandangan dan cadangan yang dikemukakan oleh semua anggota Koperasi Majlis Bandaraya Johor Bahru Berhad.

Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-13 Koperasi Majlis Bandaraya Johor Bahru Berhad ditangguhkan pada jam 12.18 tengah hari.

Dicatat oleh:

HAWA FAUZIAH BINTI MOHD PARMIN

(No. Anggota: 162)

Tarikh: 9 September 2025

Disediakan semula oleh:



(SULEIMAN BIN ASHARI)

(No. Anggota 15)

Setiausaha

Koperasi Majlis Bandaraya

Johor Bahru Berhad

Tarikh: 26 September 2025

Disemak oleh,



(HAJI MOHD FADZIL SUHAIMI BIN TALIBIN)

(No. Anggota 03)

Pengerusi Mesyuarat

Koperasi Majlis Bandaraya

Johor Bahru Berhad

**JAWATANKUASA PENENTUSAH DRAF
MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE - 13
KOPERASI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU BERHAD**

Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-13 Koperasi Majlis Bandaraya Johor Bahru Berhad yang diadakan pada hari Rabu, 03 September 2025, pukul 9.30 pagi hingga 12.18 tengah hari, bertempat di Dewan Kenanga, Aras 2 Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru, Jalan Lingkaran Dalam, Bukit Senyum 80300 Johor Bahru, Johor Darul Takzim, disemak dan ditentusahkan betul oleh Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-13, dalam Mesyuarat Jawatankuasa pada 22 September 2025, di Bilik Mesyuarat Kejuruteraan, Aras 12, Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru.

BIL.	NAMA
1	Tuan Haji Mohd Fadzil Suhaimi bin Talibin <i>Pengerusi</i>
2	Encik Suleiman bin Ashari <i>Setiausaha</i>
3	Tuan Haji Mohd Salleh bin Sulaiman <i>Anggota Lembaga Koperasi</i>
4	Puan Masliza binti Samuri <i>Anggota Lembaga Koperasi</i>
5	Tuan Haji Kaharudin bin Salleh <i>Anggota Koperasi</i>
6	Encik Khairul Afandi bin Mustaffa <i>Anggota Koperasi</i>
7	Puan Rasidah binti Abd. Kadir <i>Anggota Koperasi</i>
8	Puan Norashidah binti Ahmad <i>Anggota Koperasi</i>
9	Puan Siti Harizan binti Mohamed Yunus <i>Anggota Koperasi</i>
10	Puan Dahlia binti Masti <i>Anggota Koperasi</i>

LAPORAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU BERHAD TAHUN 2025

1.0 ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

1.1 Anggota Lembaga Koperasi Majlis Bandaraya Johor Bahru Berhad untuk tahun 2024/2025 (dari 25 Julai 2025 hingga 03 September 2025) dan 2025/2026 (dari 03 September 2025 hingga kini) adalah sebagaimana berikut :-

Pengerusi : TUAN HAJI MOHD FADZIL SUHAIMI BIN TALIBIN

Setiausaha : ENCIK SULEIMAN BIN ASHARI

Bendahari : PUAN NAFIZAH BINTI PANGAH @ PA'AT

Anggota Lembaga Koperasi :

1. TUAN HAJI MOHD SALLEH BIN SULAIMAN
2. ENCIK MOKHZANI BIN MISLAN
3. ENCIK Ts. AHMAD FAUZI BIN AHMAD PUAD
4. PUAN MASLIZA BINTI SAMURI
5. CIK NORFAIZAH BINTI ABU
6. TUAN HAJI WAN AZMI BIN WAN AHMAD
7. ENCIK HAIRULISAM BIN ISMAIL

- 1.2 **Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi (ALK)** sepanjang tahun 2025 telah diadakan sebagaimana berikut :-

BIL	TARIKH MESYUARAT ALK	BILANGAN MESYUARAT ALK	TEMPAT MESYUARAT
1	14 Januari 2025	3 - 2024/2025	Bilik Mesyuarat Jabatan Kejuruteraan, Aras 12 Menara MBBB
2	10 Mac 2025	4 - 2024/2025	Bilik Mesyuarat Jabatan Kejuruteraan, Aras 12 Menara MBBB
3	30 April 2025	5 - 2024/2025	Bilik Mesyuarat Jabatan Kejuruteraan, Aras 12 Menara MBBB
4	03 Julai 2025	6 - 2024/2025	Bilik Mesyuarat Tingkat 3, Bangunan JOTIC, Jalan Ayer Molek
5	11 Ogos 2025	7 - 2024/2025	Bilik Mesyuarat Jabatan Kawalan Bangunan, Aras 11 Menara MBBB
6	03 September 2025	1 - 2025/2026	Dewan Kenanga, Aras 2 Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru
7	23 Oktober 2025	2 - 2025/2026	Bilik Mesyuarat Jabatan Kejuruteraan, Aras 12 Menara MBBB

- 1.3 **Rekod Kehadiran** ke Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi adalah sebagaimana berikut :-

BIL	NAMA ALK	BILANGAN MESYUARAT ALK						
		3	4	5	6	7	1	2
1	Tuan Haji Mohd Fadzil Suhaimi bin Talibin	√	√	√	√	√	√	√
2	Encik Suleiman bin Ashari	√	√	√	√	√	√	√
3	Puan Nafizah binti Pangah @ Pa'at	√	√	√	√	√	√	√
4	Encik Mokhzani bin Mislan	√	√	X	X	√	√	√
5	Tuan Haji Mohd Salleh bin Sulaiman	√	√	√	√	√	√	√
6	Encik Ts. Ahmad Fauzi bin Admad Puad	√	√	X	√	√	√	√
7	Cik Norfaizah binti Abu	√	√	√	√	√	√	√
8	Puan Masliza binti Samuri	√	√	√	√	√	√	√
9	Encik Mohamad Hazri bin Mohamad Razali	√	√	√	√	√	√	√
10	Encik Hairul Azwan bin Ahmad Zaini	X	√	√	√	X	√	√

Petunjuk: √ = Hadir

X = Tidak Hadir

2.0 AKTIVITI-AKTIVITI KOPERASI

2.1 ANJURAN SEMINAR BERSAMA BAHAGIAN KAWALAN PERANCANGAN, JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN, MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

Koperasi Majlis Bandaraya Johor Bahru Berhad bekerjasama dengan Bahagian Kawalan Perancangan, Jabatan Perancangan Pembangunan, Majlis Bandaraya Johor Bahru telah menganjurkan Seminar Pelaksanaan Sistem Perkhidmatan dan Perancangan (Sistem iRancang), pada 16 Januari 2025, bertempat di Ballroom, Level 7, KSL Hotel & Resort, Johor Bahru.

Seminar tersebut telah dihadiri seramai 266 orang peserta yang terdiri daripada warga kerja Majlis Bandaraya Johor Bahru, Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Johor, pengusaha / pemilik kilang atau perniagaan, pemaju perumahan, perunding yang mengemukakan permohonan Ulasan Asrama Pekerja, Caj Pemajuan dan Exemption Planning Approval - ExPA di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Penganjuran Seminar Pelaksanaan Sistem Perkhidmatan dan Perancangan (Sistem iRancang) ini telah memperolehi pendapatan sebanyak RM72,505.00. Manakala perbelanjaan yang telah dibelanjakan adalah sebanyak RM45,160.00. Hasil daripada aktiviti penganjuran seminar ini, Koperasi telah mendapat keuntungan sebanyak RM 20,270.50.

2.2 ANJURAN SEMINAR BERSAMA BAHAGIAN KAWALAN PERANCANGAN, JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN, MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

Koperasi Majlis Bandaraya Johor Bahru Berhad bekerjasama dengan Bahagian Kawalan Perancangan, Jabatan Perancangan Pembangunan, Majlis Bandaraya Johor Bahru telah menganjurkan Sesi Taklimat Sistem iRancang - Proses Permohonan Kelulusan

Sementara, pada 11 Oktober 2025, bertempat di Dewan Kenanga, Aras 2, Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Sesi taklimat tersebut telah dihadiri seramai 211 orang peserta yang terdiri daripada pengusaha / pemilik tadika atau taska atau pusat jagaan orang-orang tua di dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Namun begitu, penganjuran sesi taklimat ini, Bahagian Kawalan Perancangan, Jabatan Perancangan Pembangunan, Majlis Bandaraya Johor Bahru hanya menumpang akaun Koperasi. Hasil daripada aktiviti penganjuran seminar ini, Koperasi telah mendapat keuntungan sebanyak RM 2,532.00.

2.3 **MEMBEKAL BAHAN MENTAH**

Koperasi Majlis Bandaraya Johor Bahru Berhad telah membekalkan bahan mentah iaitu ayam daging bulat dan daging segar kepada Persatuan Perkhidmatan Bandaraya Johor Bahru sempena Hari Raya Aidilfitri 1446H / 2025.

Hasil daripada aktiviti membekal bahan mentah ini, Koperasi telah mendapat keuntungan sebanyak RM9,587.00 pada tahun 2025.

2.4 **SUMBANGAN HARI RAYA**

Sebagaimana tahun-tahun terdahulu, pada tahun 2025 Koperasi Majlis Bandaraya Johor Bahru Berhad juga telah memberi sumbangan hari raya kepada Anggota Koperasi sebanyak RM25.00 seorang.

2.5 **MEMBEKAL MUD BALL DAN LARUTAN EM**

Koperasi Majlis Bandaraya Johor Bahru Berhad telah membekalkan mud ball dan larutan EM kepada kontraktor-kontraktor penyelenggaraan Saliran dan Pengurusan Sungai dalam kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Hasil daripada aktiviti membekal bahan mentah ini, Koperasi telah mendapat keuntungan sebanyak RM48,300.00 pada tahun 2025.

2.6 PERNIAGAAN DI KEDAI KOPERASI

Perniagaan yang dijalankan di Kedai Koperasi dan pendapatan yang diperolehi sepanjang tahun 2025 adalah sebagaimana yang berikut :-

BIL	AKTIVITI	PENDAPATAN 2025
1	Jualan fotostat dan percetakan	RM4,773.00
2	Jualan gambar	RM460.00
3	Jualan minuman dan makanan	RM5,788.00
4	Jualan laminate	RM27.00
5	Pelbagai jualan / pendapatan	RM3,160.00
6	Membekal t-shirt Kontraktor Penyelenggaraan MBBB	RM4,609.00
JUMLAH		RM18,817.00

2.7 MENGUMPUL MINYAK MASAK TERPAKAI

Koperasi Majlis Bandaraya Johor Bahru Berhad telah menambah satu aktiviti perniagaan baharu pada tahun 2025 iaitu mengumpul minyak masak terpakai. Aktiviti ini diadakan semasa Program JBNeon Recreation Night yang diadakan pada setiap hari Sabtu minggu ke-4 setiap bulan. Koperasi membeli minyak masak terpakai daripada orang awam yang membawanya ke program JBNeon tersebut dengan harga RM2.90/liter.

Minyak masak terpakai yang dikumpul akan dijual kepada pengusaha yang memproses minyak-minyak tersebut menjadi biodiesel.

2.8 LAWATAN PENANDA ARASAN KE MAJLIS BANDARAYA ALOR SETAR DAN MAJLIS PERBANDARAN KANGAR

Koperasi Majlis Bandaraya Johor Bahru Berhad telah mengikuti Lawatan Penanda Arasan ke Majlis Bandaraya Alor setar dan Majlis Perbandaran Kangar bersama-sama Persatuan Perkhidmatan Bandaraya Johor Bahru (PPBJB), Ahli Jawatankuasa Anulae Cawangan Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Puspanita pada 13 - 15 November 2025.

Lawatan ini telah disertai oleh:

- i. Puan Masliza bin Samuri
- ii. Tuan Haji Mohd Salleh bin Sulaiman
- iii. Encik Ts. Ahamd Fauzi bin Ahmad Puad
- iv. Encik Mohamad Hazri bin Mohamad Razali
- v. Cik Siti Suzyara binti Md Said (Penolong Pengurus)

3.0 KESIMPULAN

Demikian Laporan Anggota Lembaga Koperasi untuk Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Kali Ke-14 ini. Bagi pihak semua Anggota Lembaga Koperasi, saya mengharapkan agar laporan ini dapat menggambarkan perkembangan Koperasi Majlis Bandaraya Johor Bahru Berhad sepanjang tahun 2025.

4.0 PENGHARGAAN

Saya serta Anggota Lembaga Koperasi mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Anggota yang sentiasa setia bersama-sama Koperasi. Kami juga merakamkan penghargaan tidak terhingga kepada Datuk Bandar, semua Ketua Jabatan / Bahagian / Unit, kakitangan Koperasi serta semua pihak / individu yang secara langsung atau tidak langsung telah bersama-sama memberi sokongan dalam perjuangan dan usaha mempertingkatkan kemajuan Koperasi Majlis Bandaraya Johor Bahru Berhad. Mudah-mudahan sokongan dan kerjasama yang baik ini akan berterusan dari semasa ke semasa, supaya Koperasi Majlis Bandaraya Johor Bahru Berhad dapat terus berperanan untuk mencapai matlamat sebenar Koperasi.

Sekian, terima kasih.

Bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi,



TUAN HAJI MOHD FADZIL SUHAIMI BIN TALIBIN

Pengerusi

Koperasi Majlis Bandaraya Johor Bahru Berhad

**LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN
KOPERASI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU BERHAD
UNTUK TAHUN 2025**

**LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN
KOPERASI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU BERHAD**

Tarikh : 31 Mac 2026

Anggota Lembaga Koperasi
Dan Anggota-Anggota
Koperasi Majlis Bandaraya Johor Bahru Berhad

Datuk / Dr. / Tuan / Puan,

**LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN KOPERASI MAJLIS BANDARAYA
JOHOR BAHRU BERHAD BAGI TEMPOH 1 JANUARI 2025 HINGGA 31 DISEMBER 2025**

1. PENGENALAN

Jawatankuasa Audit Dalam Koperasi Majlis Bandaraya Johor Bahru Berhad telah melaksanakan audit bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2025 sebagai sebahagian daripada mekanisme pemantauan terhadap keberkesanan sistem tadbir urus, kawalan dalaman dan pemantuan pengurusan Koperasi.

Audit ini dilaksanakan secara bebas berdasarkan skop yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Audit Dalam dengan memberi penekanan kepada aspek pengurusan dan pentadbiran, pengurusan rekod kewangan serta penyelenggaraan rekod Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi.

Penilaian dibuat melalui semakan dokumen, pemeriksaan rekod serta penelitian terhadap proses kerja yang berkaitan bagi mendapatkan keyakinan munasabah bahawa amalan pengurusan Koperasi dilaksanakan secara teratur, telus dan selaras dengan kehendak perundangan serta dasar dalaman Koperasi.

2. **OBJEKTIF AUDIT**

Audit dalaman ini dilaksanakan bagi:

- i. Menilai keberkesanan sistem pengurusan dan pentadbiran Koperasi.
- ii. Memastikan rekod kewangan diselenggara secara teratur, lengkap dan boleh disahkan.
- iii. Mematuhi pematuhan terhadap penyediaan dan penyimpanan rekod Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi.
- iv. Mengenal pasti aspek yang boleh diperkukuhkan bagi meningkatkan tadbir urus, akauntabiliti dan integriti pengurusan Koperasi.

3. **SKOP AUDIT**

Aktiviti pengauditan dalaman telah dilaksanakan meliputi perkara-perkara berikut:

- i. Pengurusan dan pentadbiran
- ii. Rekod kewangan dan perakaunan
- iii. Rekod mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi

4. **HASIL PENEMUAN AUDIT**

4.1. Pengurusan dan Pentadbiran

Semakan mendapati sistem pengurusan dan pentadbiran Koperasi dikendalikan secara teratur serta memenuhi keperluan asas tadbir urus organisasi. Dokumen pentadbiran utama diselenggara dengan baik dan dapat dikemukakan semasa proses audit dilaksanakan. Pengurusan rekod menunjukkan tahap penyusunan yang memuaskan serta memudahkan proses semakan dan pengesahan. Oleh itu, Penyimpanan dan pengemaskinian rekod perlu dilakukan secara konsisten bagi memastikan kesinambungan tadbir urus yang berkesan.

4.2. Rekod Kewangan dan Perakaunan

Semakan terhadap rekod kewangan mendapati dokumen sokongan seperti baucar bayaran, resit rasmi, penyata bank dan rekod transaksi disimpan dan telah direkodkan dengan teratur. Laporan Penyata Kewangan juga diselenggara dengan baik, dimana rekod penerimaan, pembayaran serta penyata bank menunjukkan keselarasan dengan dokumen berkaitan berdasarkan sampel audit yang disemak.

Jawatankuasa Audit Dalaman dapati tiada penemuan yang menunjukkan salah nyata material atau kelemahan kawalan dalaman yang signifikan dalam skop audit yang dilaksanakan.

4.3. Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi

Semakan mendapati Anggota Lembaga Koperasi telah mengadakan mesyuarat selaras dengan kehendak Undang-Undang Kecil 42 (2) dimana Anggota Lembaga Koperasi perlu mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga bulan.

Rekod Minit Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi diselenggara dengan baik dan mematuhi keperluan dokumentasi asas. Minit Mesyuarat mengandungi keputusan yang jelas serta boleh dijadikan asas kepada tindakan susulan dan rujukan pengurusan.

Jawatankuasa Audit Dalaman mencadangkan supaya disediakan satu daftar atau rekod tindakan susulan kepada keputusan mesyuarat agar mudah diketahui bahawa pelaksanaan tindakan kepada sesuatu keputusan mesyuarat telah pun dilaksanakan.

5. **PENILAIAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN**

Berdasarkan semakan yang telah dilaksanakan, Jawatankuasa Audit Dalaman berpendapat bahawa sistem kawalan dalaman Koperasi secara keseluruhannya adalah mencukupi dan berfungsi sebagaimana yang dirancang dalam menyokong pengurusan operasi.

Tahap pematuhan terhadap proses pentadbiran dan penyelenggaraan rekod adalah memuaskan serta tidak menunjukkan sebarang kelemahan material yang boleh memberi kesan ketara kepada kedudukan pentadbiran atau integriti rekod Koperasi.

Walau bagaimanapun, selaras dengan prinsip penambahbaikan berterusan, pengukuhan terhadap proses dokumentasi, pemantau dan kawalan pentadbiran hendaklah diteruskan bagi meningkatkan kecekapan operasi serta mengurangkan risiko pengurusan pada masa hadapan.

6. **SYOR PENAMBAHBAIKAN**

Bagi meningkatkan lagi kecekapan pengurusan dan keberkesanan kawalan dalaman, Jawatankuasa Audit Dalaman mengesyorkan agar:

- i. Semakan sendiri terhadap rekod pentadbiran dan kewangan dilaksanakan secara berkala sebagai langkah pengesanan awal terhadap sebarang ketidakpatuhan.
- ii. Pendigitalan dokumen utama Koperasi dipertingkatkan bagi memperkukuh keselamatan rekod, memudahkan capaian maklumat serta mengurangkan risiko kehilangan dokumen fizikal.
- iii. Status pelaksanaan setiap keputusan Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi dipantau secara berkala melalui penyediaan rekod tindakan susulan sehingga tindakan berkenaan diselesaikan.

- iv. Pengemaskinian fail pentadbiran, dasar dalaman dan rekod berkaitan dilaksanakan secara konsisten bagi memastikan semua maklumat sentiasa tepat, lengkap dan selaras dengan keperluan semasa.

7. KESIMPULAN DAN PANDANGAN

Secara keseluruhannya, Jawatankuasa Audit Dalaman berpendapat bahawa pengurusan dan pentadbiran Koperasi telah dilaksanakan dengan baik serta menunjukkan tahap pematuhan yang memuaskan terhadap amalan pengurusan dan penyelenggaraan rekod.

Jawatankuasa Audit Dalaman yakin bahawa komitmen berterusan daripada Anggota Lembaga Koperasi dan pihak pengurusan dalam memperkukuhkan sistem kawalan dalaman, meningkatkan ketelusan pengurusan serta mengamalkan prinsip tadbir urus yang baik akan terus menyumbang kepada kesatabilan, kredibiliti dan keberkesanan pengurusan organisasi.


Selain itu, Koperasi juga disarankan untuk sentiasa mematuhi Undang-Undang Kecil, Akta Koperasi dan Peraturan-Peraturan Koperasi bagi memastikan Koperasi diurus dan ditadbir secara baik, cekap dan berkesan. Pihak Jawatankuasa Audit Dalaman berharap juga segala teguran dan saranan kami diberi perhatian dan tindakan pembetulan dapat dilaksanakan dengan kadar segera.

8. PENGHARGAAN

Jawatankuasa Audit Dalaman mengucapkan ribuan terima kasih di atas kerjasama oleh semua Anggota Lembaga Koperasi dan kakitangan Koperasi sepanjang kerja pengauditan dalaman dijalankan.


Sekian, terima kasih.

Kami yang menjalankan tugas,



(SYAMSULARIFIN BIN MUSTAPA)

Jawatankuasa Audit Dalaman



(SUAANAH BINTI SUPAMAN)

Jawatankuasa Audit Dalaman

“MUKA SURAT INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG”

KOPERASI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU BERHAD
(Didaftarkan dibawah Akta Koperasi, 1993)

**KOPERASI MAJLIS BANDARAYA
JOHOR BAHRU BERHAD**
**LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR
31 DISEMBER 2025**

ISYAM NURHADIRIN & ASSOCIATES

(Akauntan Bertauliah)
No. 17-B, Jalan Suria 18
Taman Putera
81100 Johor Bahru
Johor Darul Takzim
Tel : 607-334-1711
Fax : 607-334-1751
e-mail : isyamn@yahoo.com

KOPERASI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU BERHAD
(Didaftarkan dibawah Akta Koperasi, 1993)

MAKLUMAT KOPERASI

ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

Tuan Haji Mohd Fadzi Suhaimi bin Talib	[Pengerusi]
Encik Suleiman bin Ashari	[Setiausaha]
Puan Nafizah binti Pangah @ Pait	[Bendahari]
Tuan Haji Mohd Salleh Bin Sulaiman	
Cik Norfuziah Binti Abu	
Encik Mokhzani bin Mislan	
Puan Masliza bin Samuri	
Encik Ts Ahmad Fauzi bin Ahmad Puad	
Encik Mohamad Hazri bin Mohamad Razali	
Encik Hairul Azwan bin Ahmad Zaini	

PEJABAT PENDAFTAR

L1-04 & L1-05 Bangunan JOTIC
Jalan Ayer Molek
80888 Ibrahim International Business District
Johor

BANK-BANK

AmBank Islamic Berhad
Bank Islam Malaysia Berhad

JURUAUDIT

Iyyan Nurhadin & Associates
Akauntan Bertauliah

PANDUAN

MUKA SURAT

Laporan Juruaudit	1 - 3
Laporan Berkas Anggotanya Lembaga Koperasi	4
Kunci Kim - Kira	5
Akuan Pendapatan	6
Akuan Pembahagian Keuntungan	7
Pernyataan Perubahan Ekuiti	8
Akuan Pendapatan dan Perbelanjaan	9 - 11
Pernyataan Aliran Tunai	12
Nota-Nota Kepada Pernyataan Kewangan	13 - 19



LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA KOPERASI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU BERHAD

Kepada,

Suruhanjaya Koperasi Malaysia; serta
Anggota-Anggota Koperasi Majlis Bandaraya Johor Bahru Berhad

Laporan Audit ke atas Penyata Kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan Koperasi Majlis Bandaraya Johor Bahru Berhad yang merangkumi Kunci Kira-Kira pada 31 Disember 2025, Akaun Pembahagian Keuntungan, Penyata Pendapatan dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan ringkasan dasar-dasar pelaksanaan penting dan nota-nota penjelasan.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang disertakan memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Koperasi pada 31 Disember 2025 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perlaporan Kewangan Malaysia dan keperluan Akta Koperasi 1993 di Malaysia.

Asas bagi Pendapat

Kami telah melaksanakan audit menurut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Tanggungjawab kami di bawah piawaian itu adalah diuraikan dengan lanjut dalam seksyen Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami peroleh adalah mencukupi dan berkesesuaian untuk memberikan asas yang munasabah untuk pendapat kami.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Kami adalah bebas daripada Koperasi ini menurut By-Laws (Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("By-Laws") dan Kod Etika Akauntan Profesional ("Kod IESBA") Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa Akauntan, dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika lain menurut By-Laws dan kod IESBA.

Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juraudit

Anggota Lembaga Koperasi adalah bertanggungjawab terhadap maklumat lain. Maklumat lain merangkumi Laporan Berkanun Anggota Lembaga tetapi tidak termasuk penyata kewangan Koperasi dan laporan juraudit.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan Koperasi tidak termasuk Laporan Berkanun Anggota Lembaga dan kami tidak memberi sebarang kesimpulan jaminan mengenainya.

No.17-II, Jalan Saria 18, Terasa Putera, 81100 Johor Bahru, Johor.

019-493 0456

igwan@yahoo.com



LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA KOPERASI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU BERHAD

Maklumat Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juraudit – sambungan

Sehubungan dengan pengauditan kami terhadap penyata kewangan Koperasi, tanggungjawab kami adalah untuk membaca Laporan Berkanun Anggota Lembaga tersebut tidak konsisten secara ketara dengan penyata kewangan Koperasi mahupun pengetahuan yang kami perolehi semasa pengauditan atau salah nyata yang ketara.

Jika berdasarkan kerja yang telah kami lakukan, kami membuat kesimpulan bahawa jika terdapat salah nyata ketara dalam Laporan Berkanun Anggota Lembaga, kami dikehendaki melaporkan fakta tersebut. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk melaporkan dalam hal ini.

Tanggungjawab Anggota Lembaga Koperasi ke atas Penyata Kewangan

Anggota Lembaga Koperasi adalah bertanggungjawab bagi penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang memberikan pandangan benar dan saksama menurut peruntukan Akta Koperasi 1993. Tanggungjawab ini adalah termasuk merangka, melaksanakan dan mengekalkan kawalan dalaman yang relevan dengan penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, pemilihan dan penggunaan dasar-dasar perakaunan yang bersesuaian dan membuat anggaran-anggaran perakaunan yang munasabah mengikut keadaan.

Tanggungjawab Juraudit ke atas Audit Penyata Kewangan

Objektif kami ialah untuk memperolehi jaminan yang munasabah sama ada atau tidak, penyata kewangan tersebut secara keseluruhan adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juraudit yang merangkumi pendapat kami.

Jaminan yang munasabah adalah jaminan tahap yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit dijalankan mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap memberi kesan ketara jika, secara individu atau dalam agregat, mereka semunasabahnya dapat dijangkakan untuk mempengaruhi keputusan ekonomi diambil oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengelakkan keraguan profesional di seluruh audit. Kami juga :

- Mengenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara ke atas penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merancang dan melaksanakan prosedur audit responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah untuk pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara yang terhasil daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

No.17-B, Jalan Setia 1K, Taman Puteri, 81100 Johor Bahru, Johor.

(019-49) 0456

kyaraz@jybaa.com



LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA KOPERASI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU BERHAD

Tanggungjawab Juruaudit ke atas Audit Penyata Kewangan – sambungan

- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk merangka prosedur audit yang beresuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman.
- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh Pihak Pengurusan.

Kami berkomunikasi dengan Anggota Lembaga Koperasi, antara perkara lain, skop dan masa audit yang telah dirancang dan penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti sepanjang pengauditan kami.

Laporan Mengenai Kebutuhan Perundangan dan Badan Pengurusan Lain

Menurut kehendak Akta Koperasi 1993, Kami juga melaporkan bahawa pada pendapat kami :

- a) Rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain yang sepatutnya, telah disimpan dengan sempurna mengikut kehendak Seksyen 58 Akta Koperasi 1993.
- b) Penerimaan, perbelanjaan dan pelaburan wang dan perolehan dan pelupusan aset-aset oleh Koperasi dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 adalah mengikut kehendak Akta, Peraturan-Peraturan dan Undang-Undang Kecil Koperasi.
- c) Kedudukan aset-aset dan liabiliti-liabiliti termasuk hutang-hutang belum jelas Koperasi adalah munasabah.

Hal-Hal Lain

Laporan ini disediakan hanya untuk Suruhanjaya Koperasi Malaysia, anggota-anggota koperasi sebagai satu badan, menurut Seksyen 63 Akta Koperasi 1993 di Malaysia dan bukan untuk sebarang tujuan lain. Kami tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain terhadap isi kandungan laporan ini.


ISYAM NURHADIRIN & ASSOCIATES
 Juruaudit Koperasi Bertauliah

Johor Bahru

Tarikh: 09 Julai 2026


ISYAM NURHADIRIN BIN AHMAD ZUBIR
 SKM(B)0591

No.17-B, Jalan Setia 18, Taman Petai, 81100 Johor Bahru, Johor.

019-493 0436

isyam@ynhoo.com


KOPERASI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU BERHAD
(Didaftarkan dibawah Akta Koperasi, 1993)

LAPORAN BERKANUN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI
MENGIKUT SEKSYEN 59 (1) (C) , AKTA KOPERASI 1993

Kami bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2025. Sesuai dengan kehendak Akta Koperasi 1993 dan kaedah-kaedah yang diperbuat di bawahnya, kami bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi melaporkan bahawa:-

- Anggota Lembaga Koperasi tidak bercadang untuk membayar dividen ke atas modal syer anggota bagi tahun berakhir 31 Disember 2025 (2024 : Tiada),
- Anggota Lembaga Koperasi tidak bercadang untuk membuat pembayaran honorarium kepada Anggota Lembaga Koperasi bagi tahun berakhir 31 Disember 2025 (2024 : Tiada),
- Pada pendapat Anggota Lembaga Koperasi, hasil operasi Koperasi bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2025 tidak dipengaruhi secara material oleh perkara-perkara yang abnormal sifatnya mengikut takrif Seksyen 59(4) Akta Koperasi 1993,
- Tiada hal-hal berbangkit yang menjadikan cara menilai aset dan liabiliti Koperasi yang digunakan sekarang mengelirukan atau tidak sesuai,
- Dalam tahun berakhir 31 Disember 2025 tiada tanggungan luar jangka yang disanggupi oleh Koperasi yang belum diselesaikan,
- Anggota Lembaga Koperasi juga berpendapat bahawa amaun harta semasa yang ditunjukkan di dalam kunci kira-kira adalah munasabah; dan


Kami bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi, mengaku bahawa selain daripada perkara-perkara yang tersebut di atas, tiada lain-lain perkara di dalam pengetahuan kami yang tidak dinyatakan seperti yang dikehendaki oleh Seksyen 59(3) Akta Koperasi 1993,



HAJI MOHD FADZIL SUHAIMI BIN TALIBIN
Pengerusi



SULEIMAN BIN ASHARI
Setiausaha



NAFIZAH BINTI PANGAH @ PAAT
Bendahari

Johor Bahru

Tarikh : **09 JUL 2026**

KOPERASI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU BERHAD
(Didaftarkan dibawah Akta Koperasi, 1993)

KUNCI KIRA - KIRA
PADA 31 DISEMBER 2025

	NOTA	2025 RM	2024 RM
ASET			
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, Loji dan Peralatan	4	427	960
Aset Kumpulan Wang Rizab Statutori	5	13,576	13,245
		<u>14,003</u>	<u>14,205</u>
ASET SEMASA			
Pelbagai Penghutang dan Deposit	6	6,600	12,100
Wang di Bank dan di Tangan	7	72,548	61,532
		<u>79,148</u>	<u>73,632</u>
JUMLAH ASET		<u>93,151</u>	<u>87,837</u>
EKUITI DAN LIABILITI			
Modal Syer Anggota	8	49,980	49,480
Akuan Untung Rugi Terkumpul		(21,208)	(25,300)
KUMPULAN WANG ANGGOTA		<u>28,772</u>	<u>24,180</u>
KUMPULAN WANG RIZAB STATUTORI	9	45,979	45,257
JUMLAH EKUITI		<u>74,751</u>	<u>69,437</u>
LIABILITI SEMASA			
Pelbagai Pemiutang, Deposit dan Akruan	10	18,400	18,400
		<u>18,400</u>	<u>18,400</u>
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		<u>93,151</u>	<u>87,837</u>

Nota-nota bersemail adalah sebahagian daripada pemyata kewangan ini, maka ianya hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

KOPERASI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU BERHAD
(Didaftarkan dibawah Akta Koperasi, 1993)

AKAUN PENDAPATAN
UNTUK TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

	NOTA	2025 RM	2024 RM
Pendapatan		599,896	238,711
Tolak : Kos Langsung		(490,365)	(155,353)
Keuntungan kasar		<u>109,531</u>	<u>83,358</u>
Tolak : Perbelanjaan :-			
Perbelanjaan Anggota Pekerja		53,830	49,986
Perbelanjaan Anggota Lembaga	11	16,800	15,720
Perbelanjaan Ahli Anggota		22,355	22,935
Perbelanjaan Jawatankuasa Audit Dalaman		100	100
Perbelanjaan Pentadbiran		11,632	14,218
		(104,717)	(102,959)
Keuntungan / (Kerugian) bersih sebelum cukai	12	<u>4,814</u>	<u>(19,601)</u>
Tolak : Percukaian	13	-	-
Keuntungan / (Kerugian) bersih selepas cukai		<u><u>4,814</u></u>	<u><u>(19,601)</u></u>

Nota-nota bersempat adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini, maka ia harus hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

KOPERASI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU BERHAD
(Didaftarkan dibawah Akta Koperasi, 1993)

AKAUN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN
UNTUK TAHUN BERAKHIR 31 DESEMBER 2025

	NOTA	2025 RM	2024 RM
Keuntungan / (Kerugian) bersih tempoh semasa		4,814	(19,601)
Tolak : Pembahagian Berkanan Kumpulan wang rizab statutori - 15% (2024 : Tiada)		(722)	-
Keuntungan / (Kerugian) selepas pembahagian berkanan		<u>4,092</u>	<u>(19,601)</u>
Tolak : Pembahagian Lain		-	-
Baki keuntungan / (kerugian) yang belum dibahagi-bahagikan		<u>4,092</u>	<u>(19,601)</u>
Kerugian terkumpul pada awal tahun		(25,300)	(5,699)
Kerugian terkumpul pada akhir tahun		<u><u>(21,208)</u></u>	<u><u>(25,300)</u></u>

Nota-nota bersemai adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini, maka ianya hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

KOPERASI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU BERHAD
 (Didaftarkan dibawah Akta Koperasi, 1993)

PENYATA PERUBAHAN EKUITI
UNTUK TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

	Modal Syer Anggota	Kumpulan Wang Rizab Statutori	Kerugian Terkumpul	Jumlah
	RM	RM	RM	RM
Pada 31 Disember 2023	48,880	45,257	(5,699)	88,438
Kerugian	-	-	(19,601)	(19,601)
Penambahan / pindahan	600	-	-	600
Pada 31 Disember 2024	49,480	45,257	(25,300)	69,437
Keruntutan	-	-	4,092	4,092
Penambahan / pindahan	500	722	-	1,222
Pada 31 Disember 2025	49,980	45,979	(21,208)	74,751

Nota-nota bersemat adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini, maka ia perlu hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

KOPERASI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU BERHAD
(Didaftarkan dibawah Akta Koperasi, 1993)

AKAUN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
UNTUK TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

	2025 RM	2024 RM
PENDAPATAN		
Pendapatan seminar	81,402	67,660
Sewaan diterima	32,900	12,700
Caj gambar	460	1,400
Pelbagai jualan / pendapatan	3,160	3,035
Caj fotostat	4,773	2,390
Caj laminate	27	48
Jualan makanan dan minuman	5,788	7,791
Yuran pendaftaran keahlian	100	120
Faedah atas deposit	331	336
Bantuan SKM	5,000	-
Hibeh	79	38
	<u>134,020</u>	<u>95,518</u>
PENDAPATAN DARI PERKHIDMATAN LAIN		
Bekalan t-shirt kontraktor	4,609	9,443
Bekalan mudball	352,550	33,750
Bekalan bahan mentah	105,949	100,000
Bekalan minyak masak mentah	2,768	-
	<u>465,876</u>	<u>143,193</u>
JUMLAH PENDAPATAN	<u>599,896</u>	<u>238,711</u>
TOLAK : KOS LANGSUNG		
Fotostat	559	637
Kos gambar	-	140
Kos minuman dan makanan	5,398	5,658
Pembelahan pendapatan seminar	20,615	8,932
Perbelanjaan kelengkapan seminar	36,615	9,780
Perbelanjaan pakej seminar	23,870	14,725
Kos membekal t-shirt kontraktor	-	14,630
Kos membekal mudball	304,250	20,000
Kos membekal bahan mentah	96,362	80,851
Kos membekal minyak masak mentah	2,694	-
	<u>490,365</u>	<u>155,353</u>

KOPERASI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU BERHAD
(Didaftarkan dibawah Akta Koperasi, 1993)

AKAUN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
UNTUK TAHUN BERAKHIR 31 DESEMBER 2025 – Bersambung

	2025 RM	2024 RM
KEUNTUNGAN KASAR	<u>109,531</u>	<u>83,358</u>
TOLAK : PERBELANJAAN		
PERBELANJAAN ANGGOTA PEKERJA		
Bantuan khas raya	1,400	1,400
Gaji	45,699	42,414
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	5,736	5,376
Pertubuhan Keselamatan Sosial	758	714
Sistem Insurans Pekerja	87	82
Kursus dan seminar	150	-
	<u>53,830</u>	<u>49,986</u>
PERBELANJAAN ANGGOTA LEMBAGA		
Elaun kehadiran mesyuarat	4,200	3,720
Elaun ALK	12,000	12,000
Kursus dan seminar	600	-
	<u>16,800</u>	<u>15,720</u>
PERBELANJAAN AHLI ANGGOTA		
Elaun mesyuarat agong	11,940	11,060
Khairat kematian	-	600
Pencetakan buku laporan	500	500
Pelbagai perbelanjaan	1,040	1,900
Sumbangan hari raya dan saghati	8,875	8,875
	<u>22,355</u>	<u>22,935</u>
PERBELANJAAN JAWATANKUASA AUDIT		
DALAMAN		
Elaun kehadiran mesyuarat	<u>100</u>	<u>100</u>
PERBELANJAAN PENTADBIRAN		
Alat tulis dan percetakan	1,643	2,110
Caj bank	52	40
Kos tempahan label & kotak	-	4,500

KOPERASI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU BERHAD
(Didaftarkan dibawah Akta Koperasi, 1993)

AKAUN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
UNTUK TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025 – Bersambung

	2025 RM	2024 RM
Lawatan	266	-
Pelbagai perbelanjaan	356	123
Pengangkutan, perjalanan dan caj letak kereta	212	480
Penyelenggaraan alatan pejabat	300	120
Peralatan pejabat	-	148
Pos	-	8
Utiliti	1,620	-
Sewyen mesin fotostat	1,800	1,800
Sewyen pejabat koperasi	2,800	2,200
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	533	639
Telefon	50	50
Yuran juruaudit luar	2,000	2,000
	<u>11,632</u>	<u>14,218</u>
JUMLAH PERBELANJAAN	<u>104,717</u>	<u>102,959</u>
KEUNTUNGAN / (KERUGIAN) BERSIH	<u>4,814</u>	<u>(19,601)</u>

Nota-nota bersemat adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini, maka ia perlu dibaca bersama-sama dengannya.

KOPERASI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU BERHAD
(Didaftarkan dibawah Akta Koperasi, 1993)

PENYATA ALIRAN TUNAI
UNTUK TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025

	2025 RM	2024 RM
Aliran Tunai Dari Aktiviti Operasi		
Keuntungan / (Kerugian) operasi sebelum pembahagian Pelarasan :-	4,814	(19,601)
Sasutnilai hartanah, loji dan perakutan	533	639
Keuntungan / (Kerugian) operasi sebelum perubahan modal kerja	5,347	(18,962)
Perubahan dalam modal kerja :-		
Pengurangan / (Penambahan) dalam pelbagai deposit	5,500	16,500
Tunai bersih dari / (ke) aktiviti operasi	10,847	(2,462)
Aliran tunai dari Aktiviti Pelaburan	-	-
Aliran Tunai Dari Aktiviti Kewangan		
Tambahan dalam modal syer anggota	500	600
Tunai bersih dari aktiviti kewangan	500	600
Penambahan / (Pengurangan) bersih tunai dan setara tunai	11,347	(1,862)
Jumlah tunai dan setara tunai pada awal tahun	74,777	76,639
Jumlah tunai dan setara tunai pada akhir tahun	86,124	74,777
Tunai dan setara tunai :-		
Deposit tetap	13,576	13,245
Wang di bank dan di tangan	72,548	61,532
	86,124	74,777

Nota-nota bersemas adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini, maka ianya hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

KOPERASI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU BERHAD
(Didaftarkan dibawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2025

1. MAKLUMAT UMUM

KOPERASI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU BERHAD telah diperbadankan di bawah Akta Koperasi 1993 sebagai tanggungan berhad pada 29 Disember 2009 dan diasaskan di Malaysia. Kegiatan utama Koperasi adalah menjalankan aktiviti di dalam sektor peruncitan dengan menjual barangan harian, fotostat; dan sebagainya.

Purata jumlah pekerja di dalam Koperasi dalam tahun 2025 adalah seramai 2 orang (2024 : 2).

2. POLISI DAN OBJEKTIF PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Polisi pengurusan risiko kewangan Koperasi bertujuan untuk memastikan terdapat sumber kewangan yang mencukupi bagi perkembangan perniagaan Koperasi dan pada masa yang sama mengurus risiko kecairan dan kredit. Pengurusan risiko kewangan dilaksanakan melalui pemeriksaan risiko, sistem kawalan dalaman dan Koperasi beroperasi di dalam lingkungan garis panduan yang telah dihusnkan oleh Anggota Lembaga Koperasi.

Adalah menjadi polisi Koperasi tidak terlibat di dalam transaksi spekulasi. Apabila Koperasi terlibat di dalam transaksi besar dan terdedah, Koperasi menilai pendedahan dan keperluan untuk menahan pendedahan tersebut dengan mengambil kira kewujudan dan kos instrumen penahanan. Instrumen kewangan seperti siberhatang perdagangan, siperutang perdagangan dan lain timbul terus daripada operasi Koperasi. Polisi untuk mengawal risiko-risiko tersebut, di mana sesuai adalah seperti di bawah:-

2.1 Risiko Kecairan

Koperasi secara aktif mengurus profil kematangan penghutang, aliran tunai operasi dan ketersediaan pembiayaan bagi memastikan kesemua pembiayaan semula, pembayaran balik dan keperluan pembiayaan dipenuhi. Sebahagian daripada pengurusan kecairan yang berhemah, Koperasi berikhtiar untuk mengekalkan nilai tunai dan pelaburan separa tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal pusingan.

2.2 Risiko Kredit

Koperasi mengawal risiko kredit dengan melaksanakan kelulusan kredit, had dan prosedur operasi. Penilaian kredit dilaksanakan ke atas semua pelanggan yang memerlukan kredit ke atas sesuatu jumlah dan dengan teguh menghadkan Koperasi berurusan dengan rakan niaga yang perihal wajar kreditnya tinggi. Penghutang perdagangan diawasi secara berterusan. Secara amnya Koperasi tidak memerlukan capaian ke atas harta kewangannya.

KOPERASI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU BERHAD
(Didaftarkan dibawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

3.1 Konsep Asas Perakaunan

Penyata kewangan disediakan menurut kelaziman kos asal dengan arifian bahawa kegiatan Koperasi adalah berterusan. Penyata kewangan Koperasi disediakan mengikut Piawaian Perlaporan Kewangan Malaysia yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ; "MASB" dan peruntukan Akta Koperasi 1993, Peraturan-peraturan yang diperbuat dibawahnya dan Undang-undang Kecil Koperasi.

3.2 Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susutnilai

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan mengikut harga kos tolak susutnilai terkumpul. Hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan mengikut kadar sama rata. Kadar tahun digunakan adalah seperti berikut:-

Alatan pejabat, kamera dan komputer	20%
-------------------------------------	-----

Kos pembaikan selepasnya berhubung hartanah, loji dan peralatan hanya akan dikira sebagai perbelanjaan modal jika kos tersebut dapat membaiki keadaan harta tersebut lebih baik daripada prestasi piawai yang telah dinilai pada asalnya. Perbelanjaan lain selepasnya dikenal pasti sebagai perbelanjaan dalam tahun inya berlaku.

3.3 Nilai Aset Terjejas

Nilai buku akan dikaji semula apabila terdapat petanda yang menunjukkan nilai aset akan terjejas. Kejejasan ini dikira dengan membandingkan nilai buku aset dengan jumlah pemulihan semula aset berkenaan. Jumlah pemulihan semula aset adalah nilai yang lebih tinggi antara nilai bersih direalisasikan dan nilai penggunaannya, yang ditetapkan mengikut kadar aliran tunai terdiskaun masa hadapan. Seterusnya jumlah pemulihan semula ini juga adalah anggaran bagi aset-aset individu atau, jikalau tidak mungkin untuk unit penjanaan tunai.

Rugi atas kejejasan akan dicajkan ke dalam penyata pendapatan dengan serta merta. Penambahan berikutnya di dalam jumlah pemulihan semula aset akan diambilkira dengan penulisan balik jumlah rugi kejejasan aset terdahulu dan hanya diambilkira sehingga nilai buku bersih aset yang telah ditetapkan di mana seolah-olah tiada rugi atas kejejasan telah dikenalpasti. Penulisan balik ini akan diambilkira di dalam penyata keuntungan dengan serta merta. Tiada rugi atas kejejasan yang di ambil kira di dalam penyata keuntungan bagi Koperasi sehingga kini.

KOPERASI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU BERHAD
(Didaftarkan dibawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025
(bersambung)

3.4 Instrumen Kewangan

Instrumen-instrumen kewangan diiktiraf di lemboran imbangan apabila Koperasi telah menjadi pihak dalam perjanjian kontrak untuk peruntukan instrumen tersebut. Instrumen kewangan adalah digolongkan sebagai liabiliti atau ekuiti menurut dasar dalam perjanjian kontrak. Faedah, untung atau rugi berkaitan instrumen kewangan yang dikelaskan sebagai liabiliti, dilaporkan sebagai perbelanjaan atau pendapatan. Pembahagian kepada pemegang instrumen dikelaskan sebagai ekuiti di caj secara terus ke ekuiti.

3.4.1 Penghutang Perniagaan dan lain-lain

Penghutang perniagaan dan lain-lain dinyatakan pada nilai anggaran yang boleh diperolehi. Hutang lapuk dihapuskan apabila dikesempurnakan. Anggaran dibuat untuk hutang ragu berdasarkan penilaian ke atas kesemua baki yang tertunggak pada akhir lemboran imbangan.

3.4.2 Pemiutang Perniagaan dan lain-lain

Pemiutang perniagaan dan lain-lain dinyatakan pada kos iaitu nilai minasabah yang perlu dibayar pada masa akan datang ke atas barang dan perkhidmatan yang diperolehi.

3.5 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai yang dinyatakan di penyata aliran tunai terdiri daripada tunai di bank dan di tangan serta deposit tetap.

3.6 Pengiktirafan Pendapatan

3.6.1 Jualan diiktiraf berdasarkan jualan runcit dan diiktiraf apabila ianya diterima.

3.6.2 Yuran pendaftaran keahlian diiktiraf sebagai pendapatan apabila diterima.

KOPERASI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU BERHAD
(Didaftarkan dibawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025 (bersambung)

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Alatan Pejabat RM	Kamera RM	Komputer RM	Peti Sejuk RM	Jumlah RM
KOS					
Baki pada 31 Disember 2024	7,840	5,599	9,906	1,249	24,594
Tambahan	-	-	-	-	-
Jumlah	-	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2025	7,840	5,599	9,906	1,249	24,594
SUSUTNILAI TERKUMPUL					
Baki pada 31 Disember 2024	7,836	5,384	9,748	666	23,634
Tambahan	-	213	70	250	533
Perlesenan nilai buku bersu RM 1	-	-	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2025	7,836	5,597	9,818	916	24,167
NILAI BUKU BERSIH					
Baki pada 31 Disember 2024	4	215	158	583	960
Baki pada 31 Disember 2025	4	2	88	333	427

KOPERASI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU BERHAD
(Didaftarkan dibawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025
(bersambung)

5. ASET KUMPULAN WANG RIZAB STATUTORI

	2025 RM	2024 RM
Depositi tetap di AmBank Islamic Berhad	10,000	10,000
Faedah atas deposit tetap	3,576	3,245
	<u>13,576</u>	<u>13,245</u>

6. PELBAGAI PENGHUTANG DAN DEPOSIT

	2025 RM	2024 RM
Pelbagai penghutang	4,500	10,000
Pelbagai deposit	2,100	2,100
	<u>6,600</u>	<u>12,100</u>

7. WANG DI BANK DAN DI TANGAN

	2025 RM	2024 RM
Bank Islam Malaysia Berhad	64,882	52,553
AmBank Islamic Berhad	3,018	6,534
Tunai di tangan	4,648	2,445
	<u>72,548</u>	<u>61,532</u>

8. MODAL SYER ANGGOTA

	2025 Bilangan	2024 Bilangan	2025 RM	2024 RM
Baki pada awal tahun	343	337	49,480	48,880
Tambahan dalam tahun	5	6	500	600
Pembechentan dalam tahun	-	-	-	-
Baki akhir tahun	<u>348</u>	<u>343</u>	<u>49,980</u>	<u>49,480</u>

9. KUMPULAN WANG RIZAB STATUTORI

	2025 RM	2024 RM
Baki pada awal tahun	45,257	45,257
Pembahagian dalam tahun	722	-
Baki pada akhir tahun	<u>45,979</u>	<u>45,257</u>

KOPERASI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU BERHAD
(Didaftarkan dibawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025
(bersambung)

10. PELBAGAI PEMIUTANG, DEPOSIT DAN AKRUAN

	2025 RM	2024 RM
Deposit sewa	14,000	14,000
Deposit utiliti	2,400	2,400
Yuran juruaudit luar	2,000	2,000
	<u>18,400</u>	<u>18,400</u>

11. PERBELANJAAN ANGGOTA LEMBAGA

	2025 RM	2024 RM
Ekuan Kehadiran Mesyuarat :-		
Tuan Haji Mohd Fadzil Suhaimi Bin Talibin	800	700
Encik Suleiman Bin Ashari	640	560
Puan Nufizah Binti Pangah@Pa'at	560	560
Tuan Haji Wan Azmi Bin Wan Ahmad	-	200
Encik Mokhzani Bin Mislan	250	250
Cik Norfaizah Binti Abu	350	350
Tuan Haji Mohd Salleh Bin Suhaiman	350	300
Encik Mohamad Hazri Bin Mohamad Razali	350	100
Puan Masliza binti Samuri	350	300
Encik Ts Ahmad Fauzi bin Ahmad Puad	300	350
Encik Hairul Azwan bin Ahmad Zaini	250	50
	<u>4,200</u>	<u>3,720</u>
Ekuan pengerusi	1,800	1,800
Ekuan setiausaha	8,400	8,400
Ekuan Bendahari	1,800	1,800
	<u>12,000</u>	<u>12,000</u>
Kursus dan seminar	600	-
JUMLAH	<u>16,800</u>	<u>15,720</u>

KOPERASI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU BERHAD
(Didaftarkan dibawah Akta Koperasi, 1993)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN – 31 DISEMBER 2025
(bersambung)

12. KERUGIAN SEBELUM CUKAI

	2025 RM	2024 RM
Kerugian sebelum cukai adalah >		
setelah mengambil kira >		
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	533	639
Sewaan Pejabat	2,800	2,200
Yuran audit	2,000	2,000
	<u> </u>	<u> </u>
setelah mengkreditkan >		
Faedah atas deposit tetap	331	336
Sewaan diterima	32,900	12,700
	<u> </u>	<u> </u>

13. PERCUKAIAN

Tiada peruntakan cukai di buat di dalam penyata kewangan kerana Koperasi adalah dikoculkan daripada dikesakan cukai menurut seksyen 127 [Jadual 6(12)(2)] , Akta Cukai Pendapatan 1967.

14. KELULUSAN UNTUK MENGEDARKAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan Koperasi untuk tahun berakhir 31 Disember 2025 telah diluluskan untuk edaran berdasarkan kepada resolusi Anggota Lembaga Koperasi bertarikh 09 JUL 2026

**ANGGARAN BELANJAWAN
KOPERASI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU BERHAD
UNTUK TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2027**

SEBENAR 2025 RM	BUTIR-BUTIR	ANGGARAN 2027 RM
	<u>PENDAPATAN</u>	
100.00	Fi masuk	200.00
331.00	Faedah atas deposit	400.00
79.00	Hibah	100.00
4,773.00	Jualan fotostat	5,500.00
460.00	Jualan gambar	1,000.00
27.00	Jualan laminate	50.00
5,788.00	Jualan minuman dan makanan	8,500.00
3,160.00	Pelbagai pendapatan	5,000.00
81,402.00	Pelbagai pendapatan seminar	160,000.00
-	Perkhidmatan lain	60,000.00
4,609.00	- Membekal t-shirt kontraktor	10,000.00
105,949.00	- Membekal bahan mentah	120,000.00
352,550.00	- Membekal mud ball dan larutan EM	400,000.00
2,768.00	- Membekal minyak masak terpakai	4,000.00
32,900.00	Sewaan diterima	50,000.00
<u>599,896.00</u>	ANGGARAN JUMLAH PENDAPATAN	<u>824,750.00</u>
(490,365.00)	Anggaran Kos Langsung	(566,400.00)
109,531.00	Anggaran Keuntungan Kasar	258,350.00
(104,717.00)	Anggaran Jumlah Perbelanjaan	(244,540.00)
4,814.00	Anggaran Keuntungan Sebelum Zakat	13,810.00
-	Anggaran Zakat Perniagaan	(3,000.00)
<u>4,814.00</u>	Anggaran Keuntungan Selepas Zakat	<u>10,810.00</u>

SEBENAR 2025 RM	BUTIR-BUTIR	ANGGARAN 2027 RM
	<u>PERBELANJAAN</u>	
	<u>KOS LANGSUNG</u>	
559.00	Kos fotostat	700.00
-	Kos gambar	150.00
-	Kos laminate	50.00
5,398.00	Kos minuman dan makanan	6,500.00
81,100.00	Pelbagai perbelanjaan seminar	90,000.00
-	Perbelanjaan perkhidmatan lain	1,000.00
-	- Kos membekal t-shirt kontraktor	15,000.00
96,362.00	- Kos membekal bahan mentah	100,000.00
304,250.00	- Kos membekal mud ball	350,000.00
2,694.00	- Kos membekal minyak masak terpakai	3,000.00
490,365.00		566,400.00
	<u>BELANJA PENTADBIRAN / OPERASI</u>	
1,643.00	Alatulis & Percetakan	2,500.00
1,670.00	Bayaran Telefon & Elektrik / Air / Utiliti	2,000.00
-	Belanja Pos, Setem & Penghantaran	150.00
-	Broadband (UNIFI / Maxis / Celcom)	420.00
52.00	Caj Bank	100.00
-	Insurans & Cukai	100.00
-	Keraian / Jamuan	1,000.00
-	Kos Tempahan Label & Kotak	5,000.00
266.00	Lawatan	5,000.00
-	Lesen-Lesen	500.00
356.00	Pelbagai Perbelanjaan	1,000.00
300.00	Penyelenggaraan Alatan Pejabat	1,000.00
-	Penyelenggaraan Aset / Bangunan	5,000.00
-	Peralatan & Keperluan Pejabat	1,000.00
-	Pengiklanan & Promosi	500.00
1,800.00	Sewa Mesin Fotostat	2,000.00
2,800.00	Sewa Pejabat / Ruang Niaga	4,000.00

SEBENAR 2025 RM	BUTIR-BUTIR	ANGGARAN 2027 RM
533.00	Susutnilai Aset Tetap	700.00
212.00	Tuntutan Perjalanan & Caj Letak Kereta	700.00
2,000.00	Yuran Juruaudit Luar	3,000.00
11,632.00		35,670.00
<u>GAJI, ELAUN & KEBAJIKAN KAKITANGAN</u>		
45,699.00	Gaji & Elaun / Bonus / Insentif Tahunan	103,880.00
5,736.00	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	9,000.00
758.00	Pertubuhan Keselamatan Sosial	2,000.00
87.00	Sistem Insurans Pekerjaan	250.00
-	Tuntutan Kerja Lebih Masa	6,000.00
1,400.00	Bantuan Khas Raya	5,600.00
-	Baju Korporat	600.00
-	Kebajikan kakitangan	3,000.00
150.00	Kursus / Seminar / Lawatan	500.00
-	Perubatan	1,500.00
53,830.00		132,330.00
<u>BELANJA, ELAUN & SAGUHATI JAWATANKUASA</u>		
12,000.00	Elaun Anggota Lembaga Koperasi	12,000.00
4,200.00	Elaun Mesyuarat & Saguhati ALK / JTK	15,240.00
100.00	Elaun Mesyuarat JAD	300.00
-	Baju Korporat	2,000.00
-	Honorarium	2,000.00
600.00	Program Latihan / Kursus / Seminar ALK, JTK & JAD	2,000.00
16,900.00		33,540.00
<u>BELANJA MESYUARAT AGUNG</u>		
11,940.00	Elaun Kehadiran Mesyuarat	15,000.00
500.00	Percetakan buku	1,000.00
1,040.00	Pelbagai perbelanjaan	3,000.00
-	Dividen	6,000.00
13,480.00		25,000.00

SEBENAR 2025 RM	BUTIR-BUTIR	ANGGARAN 2027 RM
<u>PERBELANJAAN KEBAJIKAN ANGGOTA</u>		
-	Khairat kematian	3,000.00
8,875.00	Sumbangan hari raya	15,000.00
8,875.00		18,000.00
<u>BELANJA ASET TETAP</u>		
-	Alatan Pejabat	3,000.00
-	Kamera	3,000.00
-	Komputer	4,000.00
-	Perabot	5,000.00
-	Perkakas Elektrik	5,000.00
-		20,000.00
104,717.00	ANGGARAN JUMLAH PERBELANJAAN	244,540.00
4,814.00	ANGGARAN KEUNTUNGAN / (KERUGIAN) SEBELUM ZAKAT & CUKAI	13,810.00

**CADANGAN ELAUN-ELAUN
KEPADA ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI
UNTUK TAHUN 2027**

1. ELAUN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

JAWATAN	ELAUN	TELEFON	JUMLAH RM
Pengerusi	RM 150.00 x 12 bulan = RM 1,800.00	Tiada	1,800.00
Setiausaha	RM 600.00 x 12 bulan = RM 7,200.00	RM 100.00 x 12 bulan = RM 1,200.00	8,400.00
Bendahari	RM 150.00 x 12 bulan = RM 1,800.00	Tiada	1,800.00
Anggota Lembaga Koperasi	Tiada	Tiada	-
JUMLAH			12,000.00

2. ELAUN KEHADIRAN MESYUARAT

MESYUARAT	KIRAAN	JUMLAH RM
Anggota Lembaga Koperasi	RM 610.00 x 12 kali (Pengerusi - RM 100.00) (Setiausaha & Bendahari - RM 80.00) (Anggota Lembaga Koperasi - RM 50.00)	7,320.00
Jawatankuasa	RM 30.00 x 5 orang x 12 kali x 4	7,200.00
JUMLAH		14,520.00

3. ELAUN KEHADIRAN KURSUS / SEMINAR / LATIHAN

JAWATAN	JUMLAH RM
Anggota Lembaga Koperasi	50.00 / hari
Jawatankuasa Audit Dalaman	30.00 / hari
Ahli Jawatankuasa	30.00 / hari

“MUKA SURAT INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG”